


Jilid III
Bil. 35



Hari Rabu
30hb Oktober, 1985

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5737]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 5785]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 5785]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.MJ. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., PLS. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., PLS. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., JP. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Ator Setar).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).

Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).

Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD"BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALPRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
DR CHEN MAN HIN (Seremban).
DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N.. (Rantau Panjang).
TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. J.P. (Ayer Hitam).
TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
TUAN KARPAL SINGH (Jetutong).
TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
TUAN MARK KOPING (Kinabalu).
DR KOH Tsu KOON (Tanjong).
DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.U., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

Yang Berhormat TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).

TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Padang Rengas).

TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir
Puteh).

WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

TUAN YAHVA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).

DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL. D.P.M.S.. S.M.S..
K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARUMEN

Ketua Penyunting: Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd, Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 30hb Oktober, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mem-*
perengerusikan Mesyuarat]

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**KEPUJIAN DALAM BAHASA
MALAYSIA SPM BAGI
GURU-GURU**

1. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tidak adilnya sebilangan besar guru-guru dengan pengalaman selama 10 hingga 15 tahun akan diberhentikan jawatan mereka pada tahun depan kerana gagal mendapat pangkat kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM, dan memandangkan negeri kita masih kekurangan guru-guru terlatih, sama ada beliau akan membenarkan guru-guru kumpulan ini terus berkhidmat di sekolah masing-masing dan sama ada peperiksaan Bahasa Malaysia akan diadakan lebih kerap lagi dalam setahun agar mereka diberi peluang mendapat pangkat kepujian dalam Bahasa Malaysia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang menyedari masalah berhubung dengan kedudukan guru-guru yang gagal mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat

SPM. Pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang menyediakan satu Kertas Khas untuk Jawatankuasa Perjawatan Kabinet bagi pertimbangannya mengenai kedudukan mereka. Kementerian Pelajaran juga telah menulis surat kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran supaya menanggukkan urusan memberhentikan guru-guru yang berkenaan sehingga keputusan Kabinet diperolehi nanti.

Kementerian Pelajaran juga belum bercadang untuk mengadakan peperiksaan Bahasa Malaysia dengan lebih kerap lagi dalam setahun.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sebahagian besar daripada guru-guru yang bertugas dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah guru-guru sementara oleh kerana mereka tidak mendapat sijil ujian dalam kertas Bahasa Malaysia di peringkat SPM?

Memandangkan keadaan itu, adakah pihak Kementerian berkenaan bertujuan untuk melonggarkan syarat-syarat supaya mereka boleh diambil ke dalam perkhidmatan tetap Kementerian Pelajaran, misalnya memerlukan mereka lulus Bahasa Malaysia di peringkat kelulusan ataupun pass sahaja dan bukan dengan keperluan untuk mereka mendapat kepujian?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mengadakan kursus khas iaitu kursus intensif bagi guru-guru itu untuk memberikan peluang khas kepada mereka supaya mereka boleh mempelajari mata pelajaran itu dengan lebih cepat dan segera?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan memandang berat terhadap masalah ini termasuklah pihak guru-guru yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu daripada Sarawak dan Sabah kerana kajian kami merangkumi dan kertas khas yang disediakan yang dimajukan kepada Jawatankuasa Kabinet Bahagian Perkhidmatan Perjawatan ini merangkumi seluruh guru-guru yang terlibat. Ini termasuklah guru agama, guru UTS, guru-guru di Sarawak dan Sabah, guru sementara dan sebagainya dan kertas khas ini merangkumi seluruhnya termasuklah cadangan untuk kita menentukan mereka itu tidak akan terjejas.

Yang keduanya termasuk juga dalam soalan Yang Berhormat yang kedua ialah kita beri cadangan, kita senaraikan cadangan-cadangan yang kita boleh laksanakan supaya dapat masalah itu kita selesaikan.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama jika sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka-angkanya, saya ingin tahu berapa ramaiakah bilangan guru-guru yang masih dalam percubaan iaitu mereka yang tidak dapat disahkan dalam jawatan kerana mereka ini gagal dalam peperiksaan matapelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM mengikut kategori D1, D2, T1, T2, C1, C2 dan guru-guru yang berkategori B.

Soalan yang kedua, telah lebih daripada 10 tahun Dasar Pelajaran Kebangsaan ini dilaksanakan di

seluruh negara dan telah beberapa tahun pula guru-guru di sekolah rendah, di sekolah menengah diwajibkan mengajar dalam Bahasa Malaysia kecuali matapelajaran bahasa Inggeris dan matapelajaran bahasa ibunda, mengapakah masih ramai di kalangan mereka ini yang masih belum fasih berbahasa, bertutur dalam Bahasa Malaysia hingga mereka gagal dalam peperiksaan Bahasa Malaysia di Peringkat SPM ini?

Adakah Kerajaan akan melaksanakan suatu peraturan supaya guru-guru yang gagal di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia tiga tahun berturut-turut agar mereka dapat diberikan suatu Kelas Bimhingan, Kelab Bahasa Malaysia peringkat SPM di tiap-tiap daerah agar apabila dilaksanakan perkara tersebut, mereka ini boleh lulus di dalam mata pelajaran tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga adakah Kerajaan akan menambah bilangan peperiksaan Bahasa Malaysia Kertas bulan Julai sekali setahun kepada dua ataupun tiga kali setahun? Terima kasih.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana saya belum ada masa sekarang untuk mengira jumlahnya tetapi lebih kurang 2,000 orang yang terlibat. Mungkin kalau diberi notis, saya boleh hantar angkanya kepada Ahli Yang Berhormat.

Soalan yang kedua ialah mengapa mereka ini belum fasih berbahasa Malaysia, banyak sebabnya. Yang pertama mungkin minat tidak begitu mendalam, yang keduanya mereka ini ialah golongan yang umurnya sudah menjangkau angka yang besar. Oleh sebab itu kita ini sebagai manusia, apabila semakin tua kita ini semakin lambat sedikit menerima apa yang baru. Sebab itu kalau kita hendak belajar, belajar masa kita muda [*Ketawa*]. Yang ketiganya mungkin

dari segi attitude dan sebagainya kerana telah begitu lama mungkin semangatnya lemah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan ketiga adakah kita hendak menambahkan, sebenarnya soalan ini telah dijawab tadi, kita belum lagi mengkerapkan, menambahkan bilangan masa peperiksaan ini supaya lebih kerap lagi daripada apa yang kita ada sekarang.

PROTON SAGA—PEMASARAN KERETA

2. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dari hari pelancaran pemasaran kereta Proton Saga hingga sekarang berapakah jumlah unit yang telah dijual dan berapakah jumlah permintaan dari orang ramai;
- (b) berapakah unjuran(projection) pengeluaran oleh pihak Proton bagi tahun 1986, 1987, 1988, 1989 dan 1990;
- (c) bilakah Kereta Nasional ini akan dipasarkan di luar negeri dan negeri-negeri manakah yang telah membuat pesanan; dan
- (d) adakah benar ada pihak tertentu menganggap pengeluaran kereta Nasional ini sebagai membazir. Jika ya, bolehkah beliau menyatakan faedah-faedah kepada rakyat dan negara melalui projek Proton Saga ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongklli): Tuan Yang di-Pertua, jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Sehingga kini jumlah jualan adalah sangat menggalakkan tetapi oleh kerana maklumat ini

adalah rahsia syarikat, maka saya tidak dapat mengumumkan angkanya.

- (b) Pengeluaran akan meningkat dari 40,000 unit dalam tahun 1986 iaitu tahun depan menjadi 100,000 unit dalam tahun 1990. Walau bagaimanapun, unjuran ini mungkin berubah mengikut keadaan terutama sekali keadaan pasaran.
- (c) Kereta Nasional Proton Saga dijangka dapat dipasarkan keluar negeri dalam masa 5 tahun lagi. Buat masa ini belum ada negara yang memesan Proton Saga; lagi pun Proton/EON belum lagi memasuki pasaran eksport. Namun demikian, terdapat firma-firma dari 30 buah negara yang mempunyai minat untuk mengimport kereta kita.
- (d) Saya ingin menegaskan di sini bahawa projek Kereta Nasional ini bukanlah untuk membuat kereta semata-mata. Di samping membuat Proton Saga kita dapat menegakkan maruah bangsa dan negara. Walaupun pada mulanya projek ini boleh diibaratkan sebagai satu titik yang kecil sahaja tetapi protensinya untuk membesar tidak terhad. Faedah-faedah yang akan dinikmati oleh negara antara lain adalah seperti berikut:
 - (i) menggalakkan penebuhan industri pembuatan komponen-komponen kereta di negara kita, kerana satu hari kelak PROTON akan menggunakan komponen-komponen tempatan untuk hampir kesemua bahagian kereta keluarannya, pada ketika ini pun sudah 30 lebih

peratus dan tidak lama lagi akan melebihi 40% komponen-komponen dibuat di Malaysia.

- (ii) Pembangunan industri pembuatan komponen-komponen juga menggalakkan penggunaan bahan-bahan mentah negara kita seperti getah.
- (iii) Harga kereta dapat ditawarkan dengan agak rendah dan ini memberi manfaat kepada pengguna-pengguna di negara kita.
- (iv) Projek ini juga akan membawa kepada penyusunan semula industri kereta tempatan untuk menjadi lebih efisien kerana ianya mendapat faedah dari ekonomiskel (Economy of scale) di mana kos dapat dikurangkan dalam jangka panjang.
- (v) Meningkatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan kejuruteraan serta meningkatkan kepakaran melalui industri pembuatan kereta.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa pengedar tunggal kereta Proton Saga ini atau nama ringkasnya EON telah mengenakan syarat-syarat yang menyebabkan sukar orang ramai hendak membeli kereta Proton Saga. Sebagai contoh mereka yang hendak membeli Proton Saga mestilah mendapatkan pinjaman daripada syarikat-syarikat kewangan tertentu yang termasuk dalam penal EON dan mestilah syarikat kewangan ini membayar 2% kepada pengedar EON

ini. Dan lain daripada syarikat kewangan yang tidak termasuk dalam penal EON ini tidak dibolehkan orang ramai membeli motokar. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil supaya perkara ini dibatalkan sahaja.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang sedar. Walau bagaimanapun, kita akan siasat dan kita akan berpandu kepada keadilan di dalam perkara ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Syarikat Proton ini membuka jalan kepada Malaysia untuk menubuhkan sebuah perusahaan motor. Pertanyaan saya ialah dengan adanya asas yang dibina oleh Proton ini adakah dari segi jangka panjangnya pihak Proton bercadang untuk mengeluarkan jentera-jentera atau kereta-kereta kenderaan jenis berat seperti lori, bas dan juga jentera-jentera untuk tujuan pertanian.

Datuk Dr James P. Ongkili: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Proton memang mempunyai rancangan untuk memperluaskan lagi scope dan jenis pengeluaran di masa-masa akan datang. Itulah sebabnya Proton telah membina satu kilang logi—kilang pembuatan kereta yang besar di Shah Alam. Adalah diharapkan di tahun-tahun yang akan datang, tertakluk kepada keupayaan kewangan, kita akan pergi kepada pembuatan jentera-jentera yang lain seperti, lori, bas dan sebagainya.

Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari mengatakan satu daripada komplek terhadap kereta Proton Saga ini kerana lambat dapat. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kempen-kempen yang

dijalankan untuk menjual kereta Proton Saga ini melebihi daripada kereta yang dikeluarkannya sehingga terpaksa menunggu tiga empat bulan. Ini menimbulkan kemarahan daripada pihak yang hendak membeli. Jadi, apakah tindakan segera ataupun berapa banyakkah pengeluaran selepas pengeluaran pertama dahulu yang dikeluarkan oleh kilang tersebut supaya tidak menimbulkan kemarahan mereka yang berminat untuk membeli kereta Proton Saga ini.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu yang berupa satu teguran juga, kita terima dengan baik dan tentu sekali saya akan berhubung dengan Proton terutama sekali untuk mempertingkatkan lagi prestasi dan pengeluaran kereta yang lebih cepat.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bahawa Proton Saga ini adalah keluaran negara kita baharu-baharu ini akan menjadi prestasinya kurang baik, apakala telah didengar desas desus menyatakan Proton Saga ini jentera-jenteranya dibawa daripada negeri Jepun dan second hand. Oleh kerana barangan ini sudah jadi second hand, tentulah barang ini tidak baik. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapa peratuskah mesm-mesin ataupun jentera ini dibuat daripada jentera Mitsubishi.

Datuk Dr Janies P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah sebutkan tadi, komponen-komponen kereta Proton Saga kita ini yang dibuat di tempatan sudah pun sampai kepada lebih 30%. Kita yakin komponen-komponen yang dibuat di Malaysia sendiri ini akan meningkat di masa akan datang.

Mengenai desas desus bahawa berita ini adalah dibuat daripada benda second hand atau sebagainya, ini memang tidak betul semua sekali. Proton Saga adalah kereta yang first hand dan first class.

TASIK BERA—TARIKAN PELANCONG

3. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) negara Malaysia adalah satu-satunya negara yang indah, cantik dan menarik dengan pemandangan-pemandangan, tumbuhan semula jadi yang tiada di negara Eropah dan Arab, dan boleh menarik pelancong-pelancong asing dari seluruh dunia, berapakah tasik-tasik yang menarik telah Kerajaan hiaskan untuk menjadi tempat tumpuan pelancong-pelancong;
- (b) sejak tahun 1980 hingga 1985 adakah pelancong-pelancong asing ke Malaysia makin bertambah atau makin berkurangan, bagaimana pula tentang hasilnya dari masa ke semasa; dan
- (c) bagaimana tentang Tasik Bera di Pahang, tidakkah boleh dijadikan pusat pelancongan seperti Tasik Toba di Indonesia, begitu juga banyak tasik-tasik yang menarik di bumi Malaysia ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Pada masa ini Kerajaan telah mengenaltentu dua (2) buah tasik yang mempunyai potensi dari segi pelancongan dan

usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengindahkan kawasan-kawasan berkenaan dengan membina kemudahan-kemudahan asas. Tasik yang dimaksudkan adalah Tasik Dayang Bunting di Pulau Langkawi dan Tasik Chini di Negeri Pahang. Di antara kemudahan-kemudahan yang akan dibina di Tasik Dayang Bunting ialah kemudahan pendaratan laut (jeti), kemudahan pelayaran bot-bot rekreasi dan kemudahan tempat makan dan minum serta kemudahan-kemudahan asas lain seperti bilik air. Di Tasik Chini pula kemudahan-kemudahan yang akan dibina ialah sebuah empangan untuk meninggikan paras air tasik, sebuah jeti untuk bot-bot rekreasi, rumah-rumah rehat, restoran terapong, balai kraftangan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

- (b) Di antara tahun 1980 dan 1983 jumlah ketibaan pelancong ke Semenanjung Malaysia telah meningkat pada kadar purata 10% setahun, iaitu dari 2,067,020 orang dalam tahun 1980 kepada 2,750,397 dalam tahun 1983. Bagi tahun 1984 jumlah ketibaan pelancong ke Semenanjung meningkat kepada 2.87 juta orang dan seterusnya mencapai 3 juta pada tahun 1985 (jangkaan). Hasil pendapatan dari pelancongan pula telah meningkat dari \$618.9 juta dalam tahun 1980 kepada \$1,214.9 juta dalam tahun 1983. Pendapatan untuk tahun 1984 dianggarkan sebanyak \$1,304.9 juta dan untuk tahun 1985 pula ialah sebanyak \$1,602.7 juta.
- (c) Kerajaan pada masa ini belum lagi ada rancangan untuk

membangunkan Tasik Bera di Pahang kerana faktor-faktor seperti kesukaran untuk berkunjung ke kawasan tersebut, permintaan atau pasaran yang belum mencukupi, kos pembangunan yang tinggi dan untuk mengelakkan dari berlakunya duplikasi dan persaingan dengan tasik-tasik yang sedang dibangunkan seperti di Tasik Chini dan Tasik Dayang Bunting.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengadakan tasik-tasik ini saya hendak mendapat tahu apakah rancangan spesifik yang telah atau akan disediakan oleh pihak yang berkenaan untuk mengadakan lebih banyak tempat tarikan pelancongan bagi tujuan untuk menggalakkan industri pelancongan ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum usaha-usaha memang sedang pun giat dijalankan oleh pihak Kerajaan Pusat menerusi Perbadanan Pembangunan Penggalakan Pelancongan dan juga Kerajaan Negeri untuk menyediakan segala kemudahan-kemudahan dan juga tempat-tempat yang dapat menarik pelancong.

Sebagaimana yang kita sedia maklum seperti contohnya Negeri Melaka dan juga negeri-negeri yang lain telah pun mengambil langkah untuk memperelok dan menambahkan kemudahan-kemudahan tempat-tempat di dalam negeri masing-masing. Di samping itu, usaha untuk menarik pelancongan sedang pun giat dilakukan oleh pihak Perbadanan Penggalakan Pelancongan, iaitu TDC dan pada tahun ini sahaja kita telah pun diperuntukkan sebanyak lebih daripada \$20.9 juta untuk menarik pelancong-pelancong. Tetapi peranan untuk penggalakan

pelancongan ini sebagaimana yang telah pun saya tegaskan tadi adalah peranan yang harus dimainkan oleh semua pihak. Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan serta pihak sektor swasta perlu juga mengadakan projek-projek pelancongan yang boleh memberikan keselesaan kepada para pelancong.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop

Majlis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu daripada jawapan yang telah diberikan bahawa jumlah pelancong-pelancong daripada luar negeri telah begitu membanggakan, iaitu hampir kepada angka 3 juta orang. Saya ingin mendapat penjelasan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak terdapat tempat-tempat yang menjadi tumpuan para-para pelancong ini termasuklah di pantai-pantai di negara kita terdapat kurang mendapat pengawasan yang sepatutnya sehingga ada tempat-tempatnya yang menjadi begitu kotor dan menyakitkan mata memandang. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari masalah ini apakah tindakan yang patut dibuat untuk memastikan tempat-tempat tersebut tidak tercemar dengan keadaan-keadaan yang tersebut?

Yang keduanya, ada satu tempat pelancongan pantai yang agak menarik dan bersih, iaitu di Pulau Pangkor, Perak yang dinamakan "Golden Sand" tetapi tempat ini adalah pelancong-pelancong ataupun pelawat-pelawat yang ingin hendak ke situ agak tersekat, ada orang-orang tertentu sahaja yang boleh pergi melawat ke sana. Jadi, apakah yang boleh diambil tindakan oleh pihak Kementerian supaya peluang-peluang melawat tempat yang seperti ini untuk berihat dan sebagainya terbuka kepada seluruh rakyat dan pelancong-pelancong?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd.

Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar tentang masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang kecantikan, kebersihan, pencemaran yang terdapat di kebanyakan tempat-tempat yang dianggap tempat pelancong seperti di negeri-negeri yang ada pantai, tetapi kita telah pun mengambil tindakan ini beberapa bulan yang lepas menerusi Jawatankuasa Induk Kebangsaan mengenai kebersihan. Arahan telah pun dikeluarkan kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan segera bagi membersihkan kawasan-kawasan yang tercemar dan juga pantai-pantai yang pada masa dahulu tidak dijaga dengan sesuai disediakan kakitangan. Langkah-langkah ini telah pun dijalankan oleh banyak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan seperti di Pulau Pinang, di Negeri Sembilan dan sebagainya dan kita berharap usaha ini harus dijalankan secara berterusan dan bukan untuk ketika tertentu sahaja.

Mengenai soalan kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat, saya kurang pasti sebab yang disebut tadi ialah "Golden Sand", yang saya tahu adalah di Penang. Tetapi kalau maksud Yang Berhormat tadi ada tempat-tempat tertentu, mungkin agaknya Kelab Med di Cherating. Saya fikir tidak ada undang-undang yang menghalang mana-mana pihak untuk pergi berihat dan sebagainya, khasnya di dalam negara kita. Saya tidak pasti apa yang dimaksudkan dengan "tersekat", sama ada dihalang oleh orang ramai ataupun hanya polis mengawalinya, tetapi sebenarnya kita bebas pergi ke mana-mana sahaja. Tetapi kalau umpamanya tempat di Kelab Med kita terpaksa membayar lebih awal untuk masuk ke kawasan itu dan kalau kita memenuhi syarat-syaratnya, saya fikir tidak ada sebab

mengapa tidak dibenarkan sesuatu pihak pergi ke sana.

**DOKTOR/DOKTOR PAKAR—
KEKURANGAN**

4. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada negara kita masih menghadapi kekurangan doktor-doktor dan doktor-doktor pakar;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan jika ada; dan
- (c) Hospital Daerah Kluang tidak dapat perkhidmatan Doktor Pakar dan penduduk-penduduk Kluang telah lama buat rayuan kepada Kementerian Kesihatan. Bilakah Kementerian akan menghantar doktor-doktor pakar ke Kluang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar serta tindakan Kerajaan untuk memenuhi keperluan kita untuk pegawai-pegawai perubatan dan pakar-pakar perubatan telah dinyatakan di Dewan ini beberapa kali dahulu dan saya tidaklah mahu mengulangi di sini.

Seorang pakar perubatan telah ditempatkan di Hospital Daerah Kluang pada bulan Mac, 1983 tetapi beliau telah meletakkan jawatannya pada 31-8-1985. Pada masa sekarang Kementerian masih menghadapi kekurangan pakar-pakar. Walau bagaimanapun, Kementerian akan menempatkan pakar-pakar di Hospital Daerah Kluang apabila keadaan mengizinkan. Pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Kluang yang sementara itu memerlukan perkhidmatan kepakaran terpaksa dirujuk ke hospital-hospital yang

berhampiran di mana perkhidmatan kepakaran disediakan, seperti di Johor Bharu ataupun di Segamat.

Tuan Quah Wee Liam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jawatan pakar-pakar perunding di Hospital Kluang telah lama dimansuhkan. Kalau sedar, mengapa keadaan ini berlaku?

Soalan tambahan kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang menimbang semula keputusan ini oleh kerana pada masa ini pihak Hospital Kluang terpaksa merujuk semua kes kecemasan kepada hospital di Johor Bharu dan pesakit-pesakit yang terlibat, terutamanya perempuan hamil yang menghadapi masalah, dengan izin, "complication of delivery" terpaksa dikejarkan ke Hospital Johor Bharu, iaitu sejauh 100 kilometer dan perjalanan ini memakan masa lebih kurang 2 jam. Keadaan ini buka n

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta mengeluarkan pertanyaan, jangan memberi ucapan.

Tuan Quah Wee Liam: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan ini bukan sahaja amat tidak memuaskan bahkan juga membahayakan nyawa ibu mengandung, oleh itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbang semula keputusan ini.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pakar ataupun jawatan yang disebutkan itu ialah pakar dalam obstetrics and gynaecology tetapi seperti saya kata tadi pakar perubatan masih berada di Kluang sehingga 31hb Ogos iaitu hari merdeka yang lalu dan Kementerian memang sedar bahawa ada beberapa kerumitan oleh kerana tidak ada pakar-pakar di daerah Keluang tetapi saya sendiri telah berusaha beberapa kali menempatkan pakar-pakar di

Keluang. Mungkin keadaan di Kluang tidak dapat menyerap pakar-pakar kerana semua yang kita hantar meletakkan jawatan. Ada kadang kala buka kelinik di Kluang juga. Diharap Yang Berhormat dari Kluang juga dapat menggalakkan pakar-pakar yang dihantar ke situ. Saya akan berusaha terus dalam perkara ini.

RANCANGAN MEMBANGUNKAN NEGERI KURANG MAJU

5. Tuan Thomas Salang Siden minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan khas Kerajaan yang ada untuk membangunkan negeri yang kurang maju seperti Sarawak dan Sabah dalam rancangan Malaysia Kelima, dalam bidang sosio ekonomi, penduduk luar bandar, jalan-jalan luar bandar dan menghapuskan kemiskinan di luar bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan sosio ekonomi dan membasmi kemiskinan penduduk luar bandar khususnya di negeri-negeri kurang maju, Kerajaan telah menumpukan perhatian kepada beberapa langkah bagi meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup mereka merangkumi bidang-bidang pertanian, perindustrian dan sosial. Kerajaan sedang meneliti kemajuan langkah-langkah ini supaya usaha-usaha membangunkan negeri dan kawasan yang kurang maju dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Hasil dari penelitian ini, langkah-langkah tertentu akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima nanti.

Walau bagaimanapun, apa juga langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan tidak akan memadai sekiranya rakyat belum bersedia

memainkan peranan mereka. Kerajaan selalu menekankan bahawa dalam usaha meningkatkan taraf hidup penduduk miskin luar bandar, perubahan kepada sikap yang progresif, daya usaha dan keusahawanan sendiri adalah perlu bagi merebut peluang-peluang yang ada dan jangan hanya semata-mata bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi adalah jawapan yang am yang saya telah dengar di dalam Dewan ini beberapa kali tanpa melihat apa-apa kesan yang konkrit. Soalan saya ialah apakah rancangan yang telah dicadangkan oleh Kementerian berkenaan supaya menjalankan pembangunan tanah kepada rakyat di Sarawak khususnya rakyat daripada bangsa Dayak oleh kerana 80% daripada rakyat Sarawak yang terlibat di dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan adalah di bawah garis kemiskinan dan empat Rancangan Malaysia telah lepas tanpa memberi faedah-faedah yang konkrit kepada mereka. Itu sahaja.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Program Pertanian Bersepadu ataupun Program IADP di Sarawak secara keseluruhannya apabila siap dilaksanakan kelak akan dapat memberi faedah kepada kira-kira 17,000 keluarga petani luar bandar yang dijangka mendapat pendapatan lebih sekali ganda berbanding dengan pendapatan yang diperolehi pada masa ini. Jadi, ada lagi program-program yang lain dan kalau diteliti sudah tentu akan dapat memberi manfaat banyak kepada penduduk-penduduk luar bandar di Sarawak khususnya kepada kalangan yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

PERISIK VIETNAM

6. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana sebenarnya, kehadiran Perisik-perisik Vietnam yang menyamar sebagai pendatang haram.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, semua pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara ini adalah diperiksa dengan rapi dan ditapis serta dikawal dengan ketat. Kawalan yang ketat juga dikenakan kepada mereka di kem persinggahan Sungai Besi semasa menunggu pemindahan ke negara-negara ketiga. Sehingga sekarang Kementerian Dalam Negeri belum pernah mengesan bukti bahawa anggota perisik negara asing menyamar sebagai pendatang haram Vietnam.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah pandangan Kerajaan Malaysia terhadap satu dakwaan yang dibuat oleh seorang pegawai tinggi tentera Thailand mengenai penyusupan perisik Vietnam ke Malaysia.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil ingatan dakwaan itu dan seperti mana yang saya telah jawab kita selalu mengawal dengan begitu ketat tiap-tiap seorang pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara ini dan kita tidak ada bukti yang menyatakan bahawa terdapat ahli-ahli daripada pendatang haram yang mendarat di negara kita ini digunakan oleh mana-mana negeri sebagai perisik.

**DASAR EKONOMI BARU—
KONSEP**

7. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menjelaskan konsep Dasar Ekonomi Baru selepas tahun 1990 dan sama ada Dasar baru itu akan hanya merupakan pertukaran nama semata-mata sahaja tetapi intinya adalah sama seperti Dasar Ekonomi Baru sekarang.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ini mempunyai maksud yang sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang telah pun dijawab pada 15hb Oktober, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

Mengenai nama, suka saya menegaskan bahawa soal nama Dasar Ekonomi Baru yang akan menggantikan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 bukanlah menjadi isu yang penting bagi Kerajaan. Apa yang lebih penting ialah kajian bagi keputusan meneruskan dasar dan strategi-strategi yang boleh memberi sumbangan yang positif ke arah menghapuskan jurang ketidak-seimbangan antara kaum bagi mencapai matlamat keadilan sosial dan seterusnya perpaduan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah sebuah badan atau Jawatankuasa Kabinet atau apa-apa badan ditubuh untuk merangkakan dasar atau strategi-strategi selepas 1990 dan kalau ada, apakah badan ini dan siapakah yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas ini?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai beberapa tahun lagi dan setakat ini memang pihak Jabatan Perdana Menteri melalui EPU umpamanya

sedang mengkaji pencapaian yang ada sekarang dan seperti yang telah dinyatakan kita belum lagi membuat keputusan sesuatu apa yang akan seterusnya berlaku selepas 1990. Jadi, dengan itu tak dapatlah kita menyatakan maklumat-maklumat yang lebih lanjut sebelum kita membuat sebarang rumusan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai dengan Dasar Ekonomi Baru yang pada masa wujudnya dasar ini sehingga sekarang, adakah bukti menunjukkan selain daripada menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan hasil daripada ini ada menunjukkan wujudnya satu kelas bumiputera yang "elite" ataupun kelas bumiputera yang menjadi jutawan dan sebagainya? Kalau ada bukti, adakah ini menunjukkan matlamat dasar ini ada gagal sedikit?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru tidak bermaksud hendak mewujudkan satu kelas yang "elite". Kalau ada anggapan ini agak sedikit silap kepada Ahli Yang Berhormat tetapi dalam rangka kita melaksanakan yang mana kemudahan-kemudahan dapat dinikmati oleh kalangan bumiputera dengan sendirinya maka terdapat mereka yang berusaha kuat dan gigih menjadi jutawan. Ini secara langsung hasil daripada dasar ini tetapi adalah tidak benar kalau dikatakan dasar ini semata-mata bertujuan hendak menunjukkan kelas yang elite.

PEKERJA MALAYSIA DARI SINGAPURA YANG MENGANGGUR

8. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pekerja Malaysia yang bekerja di

Singapura yang telah dipaksa pulang ke Malaysia kerana tindakan mengurangkan tenaga pekerja (retrenchment) sehingga 30hb September, 1985 sebagaimana yang berdaftar dengan Jabatan Buruh;

- (b) adakah beliau sedar bahawa kekulangan pekerja itu ke negara ini tidak saja menyulitkan masalah pengangguran yang wujud tetapi mereka sukar mendapatkan pekerjaan di sini kerana terdapat persaingan dengan buruh-buruh asing yang sedia bekerja pada kadar upah yang rendah; jika sedar, apakah langkah yang beliau bercadang untuk mengambilnya bagi melindungi kepentingan buruh Malaysia dan sama ada Kerajaan akan menyemak semula perkara buruh asing di negara ini; dan
- (c) apakah langkah jangka pendek serta jangka panjang yang sedang dirancang oleh Kementerian untuk membantu mengatasi masalah pekerja-pekerja Malaysia yang pulang dari Singapura.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman); Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan;

- (a) Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai angka yang tepat mengenai bilangan buruh Malaysia yang telah pulang daripada Singapura kerana pemergian mereka adalah pilihan sendiri dan kekulangan mereka adalah juga tidak diwajibkan didaftar oleh mana-mana pihak. Pekerja-pekerja tersebut yang berulang alik ke Singapura adalah sukar didaftarkan dengan tepat. Walau bagaimanapun adalah

dianggarkan terdapat kira-kira 55,000 orang pekerja-pekerja kita di Singapura dan sehingga 20hb September, 1985, seramai 776 orang yang kembali telah mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat untuk mendapatkan pekerjaan di mana 114 orang daripada mereka telah pun ditempatkan ke dalam pekerjaan baru.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c) pula:

Ingin saya menyatakan bahawa keperluan pekerja-pekerja tersebut tidak semestinya meningkatkan pengangguran di negara kita kerana masih terdapat banyak lagi kekosongan pekerjaan yang wujud terutama sekali di sektor perladangan. Jika pekerja-pekerja berkenaan tidak terlampau memilih kerja, mereka boleh ditempatkan ke dalam pekerjaan-pekerjaan yang wujud itu. Pekerja-pekerja Malaysia yang pulang dari Singapura dan lain-lain penganggur yang memerlukan bantuan Kementerian saya, adalah digalakan mendaftarkan diri di Jabatan Tenaga Rakyat yang terdapat di seluruh negara. Program-program latihan juga sedang diatur untuk melatih mereka sesuai dengan permintaan pasar buruh semasa.

HARGA GETAH—KESULITAN PENANAM

9. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak mengurangkan perusahaan tanaman getah di Malaysia pada masa hadapan kerana memandangkan kejatuhan eksport dan harga yang rendah. Sekiranya tidak, maka apakah usaha dan langkah Kerajaan bagi meringankan beban kesulitan penanam-penanam getah

terutama pekebun-pekebun kecil akibat kejatuhan harga getah yang menurun setiap bulan ini, Dan apakah faedah yang didapati oleh pihak Malaysia selama ini sebagai anggota dalam Lembaga Getah Asli Antarabangsa (INRO) sedangkan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil (NASH) mendesak supaya Malaysia menarik diri dari menjadi anggota INRO yang dianggap merugikan penanam-penanam getah di Malaysia sekarang ini dan sejauh manakah kesannya dalam mengatasi kejatuhan harga getah dengan mengadakan stok penimbun sedangkan negara-negara yang menjadi anggota INRO yang lain dapat menjual getahnya cara berleluasa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Pertanian Negara dan setelah mengambil kira pulangan yang boleh diperolehi daripada tanaman berkenaan, jumlah keluasan tanaman getah tidak akan bertambah malah dijangka akan berkurangan berasaskan kepada penukaran kawasan getah kepada tanaman lain seperti kelapa sawit dan koko di sektor estet, juga pekebun kecil. Walau bagaimanapun bagi kebun kecil yang masih kekal ditanam dengan getah, usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor ini melalui tanaman semula dengan benih-benih baru yang bermutu serta memberi hasil yang lebih tinggi dan pemindahan teknologi-teknologi moden yang sedia ada dan yang akan diperkenalkan hasil daripada usaha penyelidikan dan kemajuan di masa-masa akan datang. Di samping itu pekebun-pekebun kecil juga digalakkan mengamalkan perkebunan campuran seperti ternakan ayam, biri-biri dan juga perlembahan untuk menambah pendapatan mereka terutama dalam keadaan harga getah yang lemah sekarang.

Sementara usaha-usaha diteruskan bagi mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kecekapan serta daya persaingan industri getah kita, MARDEC dan RISDA sentiasa berada di pasaran untuk membeli getah pekebun-pekebun kecil pada bila-bila masa walaupun pada ketika pasaran getah antarabangsa menghadapi keadaan yang lembab dan bagi menentukan harga yang ditawarkan kepada mereka adalah adil dan kompetitif.

Saya ingin juga mengambil kesempatan memaklumkan bahawa sejak minggu-minggu yang lepas, harga getah telah mula pulih dan harga SMR 20 telah meningkat dari 158 sen sekilo pada 1 Oktober, 1985 kepada 171 sen sekilo pada 24 Oktober, 1985, sementara harga RSS3 telah juga naik dari 168 sen sekilo kepada 172 sen sekilo bagi tempoh tersebut.

Kerajaan juga menggalakkan lebih banyak penggunaan getah tempatan dalam industri pembuatan negara ini supaya getah Malaysia tidak hanya bergantung pada pasaran di luar negeri.

Di peringkat antarabangsa pula penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) yang bertujuan untuk menstabilkan harga di paras yang lumayan adalah bukti yang menunjukkan bahawa pihak Kerajaan adalah mengambil berat bagi menentukan kedudukan pasaran getah yang sihat.

Mengenai faedah yang diperolehi oleh Malaysia sebagai ahli INRO, sebagaimana yang pernah saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang telah diwujudkan sejak tahun 1979 dan Operasi Stok Penimbalnya yang sehingga kini telah pun membeli lebih 350,000 tan metrik getah yang berlebihan di pasaran dunia, adalah merupakan "safety

net", dengan izin, yang telah berjaya menahan harga dari jatuh ke paras yang terendah lagi seperti mana yang dialami oleh harga-harga komoditi yang lain akibat daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang teruk dan berpanjangan.

Operasi Stok Penimbal INRO merupakan salah satu faktor penting dalam mempengaruhi pergerakan harga getah di pasaran dan telah berjaya menstabilkan harga getah, walaupun mungkin tidak ditahap yang dikehendaki oleh para pengeluar getah Malaysia.

Melalui INRO juga negara-negara pengeluar dan pengguna dapat berbincang serta bertukar-tukar pendapat dengan demikian perancangan bagi menentukan keseimbangan kedudukan bekalan dan permintaan dapat dibuat. Walau bagaimanapun adalah diakui Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) masih mempunyai kelemahan-kelemahan dan dengan itu Malaysia dan negara-negara pengeluar yang lain sedang berusaha untuk memperkemas dan memperbaiki Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang kedua kelak di mana rundingan selanjutnya akan diadakan pada awal tahun hadapan.

Tuan Yahya bin Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Perusahaan Utama, yang sebenarnya siapakah yang menentukan harga getah di dalam negara kita ini?

Selain daripada itu saya ingin tahu adakah benar pemegang-pemegang lesen untuk mengeksport getah di dalam negara ini hanya dimonopoli oleh satu golongan yang tertentu sahaja, dan mereka ini menentukan sama ada turun-naiknya harga getah tersebut dan dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

mensenaraikan pemegang-pemegang lesen untuk mengeksport getah dalam negara ini ke luar negeri?

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama tadi oleh kerana INRO dianggotai oleh pihak pengeluar dan pihak pengguna, dengan sebab itu harga getah adalah ditentukan di atas rundingan dan persefahaman antara dua pihak iaitu negara-negara pengeluar dan negara-negara pengguna.

Tentang siapa yang mengendalikan pengeksportan getah, saya menyangkal bahawa ini adalah terletak pada satu golongan sahaja, kerana pihak yang terlibat adalah pihak yang telah diberi mandat dan iesen daripada MERLBB iaitu satu agensi Kerajaan yang mengendalikan perlesenan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalaulah Lembaga Getah Asli Antarabangsa (INRO) mendatangkan banyak faedah kepada kepentingan negara kita, maka kenapakah pihak persatuan pekebun-pekebun kecil mendesak Kerajaan supaya menarik diri daripada pertubuhan INRO. Begitu juga yang saya tahu, pihak pekebun-pekebun kecil di Indonesia juga mendesak supaya pihak Indonesia menarik diri daripada INRO.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini berlaku oleh kerana penerangan yang tidak begitu terang yang didapati oleh pihak pekebun kecil. Tetapi setelah penerangan diberi dan perjumpaan demi perjumpaan telah diadakan dengan pihak Kementerian, masalah penarikan diri daripada INRO ini tidak timbul lagi daripada pekebun-pekebun kecil kerana mereka tahu bahawa kalau 10 sen (1 kupang) sahaja

jatuh daripada apa yang telah ditetapkan oleh INRO, pekebun-pekebun kecil akan kerugian sebanyak \$156 juta setahun. Kalau 20 sen, \$312 juta dan kalau 30 sen, \$468 juta.

Di Indonesia pula mungkin ini timbul oleh kerana kos pengeluaran di Indonesia adalah murah iaitu dianggap \$1.20 sen satu kilo berbanding dengan kos production di Malaysia \$1.50 sen satu kilo. Jadi kalau sekiranya tidak ada perjanjian antarabangsa, kalau harga itu jatuh kepada \$1.50, Indonesia masih lagi mendapat keuntungan tetapi bagi industri getah di Malaysia terpaksa ditutup.

LNG—LANGKAH PERKEMBANGAN EKSPORT

10. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pengeksportan "Liquified Natural Gas" (LNG) hanyalah mengira bagi lebih kurang daripada 5% jumlah pendapatan eksport bagi tahun yang lalu kerana penggantungan yang tunggal kepada pasaran Jepun dan memandangkan kenyataan bahawa LNG adalah dijangka memainkan peranan yang besar dalam menampung ekonomi negara, apakah rancangan-rancangan perkembangan eksport yang ada selain daripada bergantung ke atas penggunaan LNG bagi kegunaan pasaran tempatan dan harapan mengeksport saluran gas ke Singapura dan sama ada kita telah "tapped" pasaran Korea Selatan bagi LNG.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Malaysia Liquified Natural Gas (MLNG) Sdn Bhd sentiasa bersusah untuk mendapatkan pasaran baru bagi Gas Asli Cecair (LNG) negara kita.

Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh MLNG ialah mengadakan hubungan rapat dengan

pembeli-pembeli yang berpotensi di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Kemudahan untuk mengimport LNG fasa kedua oleh Korea Selatan dijangka akan siap pada tahun 1991.

Pada masa ini Korea Selatan menerima bekalan LNG dari Indonesia. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sayogia diingati bahawa walaupun loji MLNG di Bintulu itu sebenarnya adalah salah satu daripada 6 loji LNG yang terbesar di dunia, pasaran untuk LNG di dunia adalah terhad. Pada ketika ini sebenarnya hanya Jepun yang membeli LNG dengan banyak. Dalam erti kata yang lain, kalau kita ingin mempertingkatkan lagi pengeluaran LNG kita, maka kita kenalah mencari pasaran yang baru dan pasaran tambahan yang mana seperti yang saya katakan tadi adalah sukar mendapatinya.

Oleh kerana gas asli dari lapangan-lapangan gas yang terletak di luar pantai negara kita iaitu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah pun disalurkan ke beberapa kawasan di seluruh negara, maka tidak timbul masalah pasaran dan penggunaan gas asli cecair di dalam negeri. Apa yang sukar kita perolehi ialah pasaran di peringkat antarabangsa di luar negeri bagi LNG kita.

Sukalah saya menyatakan bahawa loji di Bintulu MLNG itu telah pun mula mengeluarkan gas pada tahun lalu dan pada tahun ini dan pada tahun hadapan loji ini akan meningkatkan pengeluarannya sehingga sampai ke kapasiti 6 juta dan metrik setahun; dan oleh sebab itu kita akan tinjau sesudah loji yang salah satu yang terbesar di dunia ini berjalan dengan sepenuhnya, sama ada keperluan untuk mengadakan lagi pengeluaran LNG yang lebih perlu ataupun akan membawa hasil atau tidak.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa buah kapal tanker digunakan untuk LNG sekarang dan masih adakah kapal tanker yang telah dipesan oleh Malaysia tetapi tidak digunakan lagi?

Soalan kedua, dengan gas LNG ini pada tahun hadapan berapa tan metrik akan ditingkatkan padanya untuk mengeluarkan gas tambahan?

Soalan ketiga, dengan pasaran yang terhad masa ini harga LNG ini adakah akan turun pada masa-masa tahun hadapan dan pada tahun ini berapakah harganya?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah lama sedikit di dalam Dewan ini mungkin masih ingat bahawa kita telah melanggan 5 tanker beberapa tahun dahulu. Sesungguhnya perkara ini walaupun telah menjadi satu isu yang hangat daripada pihak Pembangkang di satu masa dahulu, syukurlah bahawa akhir-akhirnya pada ketika ini 4 daripada tankers itu telah pun digunakan untuk mengangkut LNG daripada Bintulu ke Jepun dan tanker yang kelima yang akhir sekali akan siap dan mula digunakan pada pertengahan tahun 1986 dan seperti yang saya katakan tadi kapasiti MLNG di Bintulu itu akan dicapai pada tahun hadapan (1986) iaitu 6 juta tan metrik setahun dan ini akan diperdagangkan ke Jepun sepenuhnya.

Harga LNG memanglah naik-turun parasnya di pasaran dunia tetapi walau bagaimanapun MLNG di Bintulu telah pun mendapat hasil yang memuaskan dengan pasarannya ke Jepun. Bagi tahun kewangan 1983/1984 MLNG telah memperolehi penjualan \$1,129 juta, tahun kewangan 1984/1985 hasil ialah berjumlah \$2,428 juta dan anggaran bagi tahun ini sehingga tahun kewangan 1986 ialah \$2,700 juta.

PERPADUAN NEGARA— TAHAP PENCAPAIAN

11. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Siasatan Di Raja diketuai oleh Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman, untuk menyiasat ke dalam masalah perpaduan negara agar Malaysia akan lebih bersatupadu dengan tibanya abad ke 21 dalam masa 15 tahun nanti.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Di Raja untuk menyiasat ke dalam masalah perpaduan negara sebagaimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Pada pandangan Kerajaan, satu tahap perpaduan telah pun wujud di negara kita ini. Ini telah diasaskan semenjak kemerdekaan oleh para pemimpin negara yang dahulu dan semangat perpaduan itu sentiasa dipupuk oleh para pemimpin negara sekarang, kalau pun bukan semua rakyat.

Sesungguhnya usaha-usaha Kerajaan adalah mempunyai matlamat ke arah memperkukuhkan perpaduan negara. Tetapi tanggungjawab ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah merupakan tanggungjawab Kerajaan semata-mata, bahkan semua lapisan masyarakat wajiblah bekerjasama untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dengan tidak mengambil apa-apa tindakan yang bersifat negatif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam penyusunan semula organisasi Jabatan Perpaduan Negara yang telah pun hampir selesai sekarang, adalah dicadangkan, antara

lain, supaya diadakan pejabat-pejabat Perpaduan Negara di peringkat negeri dan daerah.

Dengan demikian, maka saluran komunikasi antara ibu pejabat Jabatan Perpaduan Negara dengan peringkat negeri dan tempatan adalah lebih tersusun dan dengan itu diharap dapat meningkatkan lagi usaha memupuk perpaduan negara.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa masalah polarisasi kaum sudah menjadi satu keadaan yang tak pernah berlaku dengan teruk dalam negara kita ini yang ada diakui oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan sendiri dan memandangkan perkara ini adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan pendekatan yang baru untuk mengatasi perpaduan negara, khasnya apabila Jabatan Perpaduan Negara tak berguna, tak berkesan untuk mencari penyelesaian kepada masalah perpaduan negara. Adakah pendekatan yang baru, usaha yang baru mungkin termasuk mengadakan satu Jabatan Integrasi Nasional dalam universiti-universiti tempatan untuk terus menjalankan kajian atas masalah ini?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian pertama itu, bukanlah pihak Kerajaan yang meningkatkan polarisasi di dalam masyarakat kita. Kalaupun ada peningkatan polarisasi ini, pihak Pembangkang pun mempunyai peranan juga apabila di sana-sini bercakap, terutama sekali di musim kempen dan sebagainya, terkeluar perkataan-perkataan yang terlebih sedikit daripada batas yang biasa.

Jabatan Perpaduan Negara menjalankan tugas-tugasnya seberapa yang boleh untuk mempertahankan dan memperkukuhkan perpaduan

negara. Dan tiadanya malapetaka-malapetaka yang tidak diinginkan yang berlaku di negara kita ini adalah sedikit-sebanyak disebabkan oleh tugas-tugas Jabatan Perpaduan Negara di dalam memupuk kejiranan di kalangan rakyat di seluruh negara dan lain-lain aktiviti yang dijalankan lagi.

Universiti-universiti di negara kita ini memang menjalankan pengkajian-pengkajian mengenai "race relation", dengan izin, ataupun perhubungan ras di negara kita dan kadangkala dibandingkan dengan hubungan ras di lain-lain negara untuk mendapat ilham atau pengetahuan yang boleh disampaikan kepada pelajar-pelajar supaya diharapkan mereka itu akan keluar daripada universiti-universiti kita dengan mengamalkan sikap toleransi dan sebagainya. Jadi oleh sebab semuanya ini, seperti yang saya katakan di dalam soalan asal, Kerajaan berfikir tidak perlu untuk mengadakan agensi-agensi yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad.

(Soalan No. 12 Y.B. WanAbuBakar bin Wan Mohamad tidak hadir)

RAHSIA KERAJAAN— PEMBOCORAN

13. Tuan Tan Kok Hooi minta Perdana Menteri menyatakan bahawa baru-baru ini seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata rahsia Kerajaan kerap bocor; sehingga saat ini berapa kes sudah terjadi dan apakah tindakan telah diambil supaya perbuatan ini dapat disekat.

Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, kejadian kebocoran maklumat adalah berpunca dari sifat-sifat kelemahan manusia. Kelemahan tersebut mungkin berpunca dari penjawat awam atau juga dari sesiapa sahaja yang

dipertanggungjawabkan dengan kerahsiaan sesuatu maklumat yang berkenaan. Oleh itu, bilangan kejadian sebenarnya tidak dapat ditentukan. Namun demikian, apabila berlakunya kejadian-kejadian kebocoran maka penyiasatan sewajarnya akan dibuat di mana terdapat bukti-bukti yang mencukupi akan didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Sehingga hari ini sebanyak 4 kes telah didakwa dan disabitkan kesalahannya di bawah Akta tersebut.

Langkah-langkah tertentu untuk mengawal maklumat rasmi telah dibuat oleh Kerajaan. Akta Rahsia Rasmi 1972 telah menetapkan bidangkuasa perundangan berhubung dengan perlindungan maklumat rasmi. Pindaan juga telah dibuat ke atas Akta tersebut pada tahun 1984 untuk memberi liputan dan impek hukuman yang lebih berat bagi mencegah berlakunya kesalahan-kesalahan terhadap peruntukan Akta tersebut. Begitu juga dalam bidang kuasa pentadbiran, Kerajaan telah menerbitkan buku Arahan Keselamatan yang berkuatkuasa 1hb April, 1985 untuk dipatuhi oleh semua Jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir)

PEKEBUN KECIL—TANAMAN SEMULA

15. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(a) berapakah hektar tanah Pekebun Kecil yang telah ditanam dengan kelapa sawit, getah, kelapa dan lain-lain dan apakah jenis tanaman sebenar

patut diberi galakan kepada mereka bagi menjamin keadaan ekonomi yang lebih baik; dan

- (b) bilakah Kementerian akan membuka tanah di kawasan sempadan Malaysia/Thai khususnya di kawasan Hutan Simpanan Ulu Muda bagi membangun keadaan ekonomi penduduk di kawasan tersebut serta dapat menyekat penghijrahan para belia ke kawasan bandar di samping menjaga keselamatan negara.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, sejak RISDA ditubuhkan dalam tahun 1972 hingga sekarang seluas 874,462 hektar tanah Pekebun-pekebun Kecil ditanam semula dengan berbagai jenis tanaman iaitu dengan kelapa sawit seluas 80,805 hektar, getah 711,938 hektar, kelapa 18,457 hektar dan lain-lain 63,262 hektar.

Pihak RISDA membenarkan pekebun kecil menanam semula dengan 18 jenis tanaman mengikut kesesuaian tanah dan tertakluk mengikut Ordinan Tanam Semula termasuklah tanaman getah, kelapa sawit, koko, kelapa dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pihak RISDA tidak mengkhususkan mana-mana jenis tanaman sebagai galakan untuk menjamin keadaan ekonomi yang lebih baik kepada pekebun kecil kerana tiap-tiap jenis tanaman tersebut mengalami keadaan harga yang tidak stabil yang bergantung kepada harga pasaran dunia.

Pada masa ini boleh dikatakan ramai pekebun kecil berminat untuk menanam kelapa sawit daripada getah memandangkan harga kelapa sawit adalah lebih baik daripada getah. Pendapatan purata sebulan bagi pekebun-pekebun kecil yang memiliki sehektar kelapa sawit adalah sejumlah

lebih kurang \$175.00. Manakala pendapatan se hektar bagi getah pula sejumlah \$130.00 lebih kurang. Walaupun pada hakikatnya harga kelapa sawit adalah lebih baik daripada getah, ini tidak bermakna bahawa RISDA akan menggalakkan pekebun kecil menanam kelapa sawit memandangkan harga kelapa sawit juga akan mengalami ketidak stabilan.

Bagi soalan bahagian kedua, Yang Berhormat pernah mengemukakannya soalan di dalam sesi yang lalu dan saya telah memberi jawapan pada 17-7-85. Walau bagaimanapun saya ingin menjelaskan bahawa program-program pembangunan tanah oleh agensi-agensi pembangunan tanah di bawah Kementerian saya adalah menyeiuruh. Ianya tidak hanya tertumpu di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Pada masa ini FELDA telah dan sedang memajukan seluas 21,257 hektar tanah hutan di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand semenjak tahun 1959. Ianya melibatkan 15 rancangan iaitu 3 buah rancangan di negeri Perak yang meliputi seluas 5,954 hektar, 5 rancangan di negeri Kedah yang meliputi luas 3,949 hektar. Tiga buah rancangan di negeri Perak yang melibatkan seluas 3,201 hektar dan 4 buah rancangan di negeri Kelantan yang meliputi seluas 8,153 hektar.

Sementara itu sebanyak 3 buah rancangan FELDA di kawasan sempadan seluas 2,400 hektar dijangka dimajukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Manakala bagi FELCRA pula sebanyak 14 buah rancangan dengan keluasan 3,113 hektar telah dan sedang dimajukan dan seluas 647 hektar lagi dijangka dimajukan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12, 14, 16 hingga 20 adalah diberi di bawah inil

EKSPORT KELAPA SAWIT MALAYSIA

12. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah Kementerian bagi mengatasi persaingan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit yang telah mengambil alih pasaran tradisi Malaysia di Pakistan dan India;
- (b) adakah negara-negara pengeluar ini bercadang untuk mengujudkan persatuan pengeluar minyak kelapa sawit sebagai langkah mengelakkan persaingan yang tidak sihat di pasaran antarabangsa; dan
- (c) apakah langkah keseluruhan jangka panjang dan jangka pendek yang telah diambil oleh Kementerian bagi menstabilkan harga kelapa sawit.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Bagi menjawab soalan (a), suka saya jelaskan bahawa Malaysia merupakan negara pengeksporth minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia. Pada ketika ini, negara menguasai lebih daripada 80% daripada jumlah eksport dunia bagi bahan tersebut. Oleh yang demikian, tidaklah tepat jika dikatakan bahawa negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit lain telah mengambil alih pasaran tradisi Malaysia seperti di Pakistan dan India.

Walaupun begitu, negara kini menghadapi persaingan yang bertambah daripada negara-negara pengeksporth minyak kelapa sawit lain terutama sekali Indonesia dan Papua New Guinea. Untuk menghadapi persaingan ini beberapa langkah telah

dan akan diambil oleh Kerajaan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya telah melakukan lawatan ke Indonesia untuk, antara lain, menekankan betapa perlunya Malaysia dan Indonesia mengelakkan diri daripada terlalu bersaing di antara satu dengan lain di bidang pemasaran minyak kelapa sawit sehingga merugikan kedua belah pihak. Kerajaan juga sedang aktif mengkaji cara-cara untuk memperbetulkan kedudukanimbangan perdagangan di antara Malaysia dengan negara-negara pembeli utama minyak kelapa sawit Malaysia khususnya India dan Pakistan, yang pada masa ini amat menguntungkan negara, supaya negara-negara berkenaan tidak bertindak mendapatkan bekalan minyak kelapa sawit mereka daripada negara-negara pembekal lain. Di dalam hubungan ini, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan mengetuai satu rombongan ke India pada bulan hadapan untuk meninjau barangan-barangan yang boleh diimport daripada negara berkenaan.

Untuk mengatasi persaingan daripada negara-negara pengeksporth minyak kelapa sawit lain dalam jangka masa panjang, negara tidak mempunyai pilihan selain meningkatkan lagi daya persaingan minyak kelapa sawitnya di pasaran eksport. Di dalam hubungan ini, langkah-langkah yang sesuai akan diambil ke arah mengurangkan lagi kos pengeluaran, meningkatkan lagi produktiviti, menjamin kemandapan bekalan dan mutu serta melancarkan kegiatan-kegiatan pemasaran yang lebih agresif, kreatif, strategik dan berkesan.

Berhubung dengan soalan (b), suka saya maklumkan bahawa setakat ini belum timbul apa-apa cadangan di kalangan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit untuk

mengujudkan sebuah persatuan negara-negara pengeluar minyak kelapa sawit sebagai langkah mengelakkan persaingan yang tidak sihat di pasaran antarabangsa. Apa yang telah ujud ialah sebuah persatuan bernama "the Association of African Palm Oil Producing Nations" (APOPN) yang telah ditubuhkan pada 14 Mac tahun ini yang lebih merupakan usaha ke arah memulihkan peranan utama Afrika di pasaran dunia menerusi peningkatan pengeluaran dan pertukaran data teknik di kalangan negara-negara ahli.

Beralih kepada soalan (c), perlu saya tekankan bahawa memandangkan:

- (i) perusahaan kelapa sawit negara adalah amat berorientasikan eksport, di mana lebih daripada 85% daripada pengeluarannya dieksport setiap tahun, dan
- (ii) minyak kelapa sawit Malaysia hanya merupakan satu daripada 16 jenis minyak dan lemak yang bersaing sengit di antara satu dengan lain di pasaran minyak dan lemak dunia yang kompleks,

maka harga bagi minyak kelapa sawit yang dieksport oleh negara adalah ditentukan lebih oleh faktor-faktor asing di luar kawalan Malaysia sebagai negara pembekal. Beberapa usaha telah cuba dijalankan oleh Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) untuk memantapkan harga minyak dan lemak di peringkat antarabangsa tetapi usaha-usaha ini telah tidak mendatangkan hasil. Ini adalah kerana mekanisma-mekanisma penstabilan harga yang konvensional seperti stok penimbun dan kuota eksport didapati tidak sesuai dan praktik bagi pasaran minyak dan lemak dunia atas sebab kompleksnya pasaran tersebut serta atas faktor-faktor mudah-rosak

(perishability), kemerosotan mutu serta keanjalan penawaran dan permintaan yang berbeza-beza di kalangan minyak-minyak dan lemak-lemak.

Atas ketiadaan mekanisma bagi menstabilkan harga minyak kelapa sawit di pasaran antarabangsa, beberapa langkah telah diambil sendiri oleh Kerajaan untuk memantapkan harga minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh negara termasuk:

- (a) memperbaiki kemasukan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran-pasaran antarabangsa (access to International markets) menerusi rundingan-rundingan mengurangkan dan menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif serta kegiatan-kegiatan galakan pasaran yang lebih berkesan.
- (b) menambah, meluas dan mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit baik di bidang pemakanan mahupun di bidang perusahaan seperti pembuatan Vitamin E, diesel kelapa sawit dan oleo-kimia.
- (c) menambah keupayaan menyimpan negara untuk membolehkan perusahaan kelapa sawit bertahan lebih lama di dalam keadaan kemelesetan permintaan dan harga, dan
- (d) pelancaran semula pasaran hadapan minyak kelapa sawit di Bursa Komoditi Kuala Lumpur oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29 Oktober yang lalu.

KEMPEN BELILAH BARANGAN BUATAN MALAYSIA

14. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bagaimanakah pihak

Kerajaan ingin berfungsi serta bertindak bagi menjayakan kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dalam jangka masa panjang demi kepentingan masa depan Ekonomi Negara kita.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kerajaan telah mempelupori Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dengan tujuan menimbulkan kesedaran rakyat atau pengguna-pengguna tempatan tentang pentingnya mereka membeli barangan buatan negara sendiri demi pertumbuhan negara dan peningkatan taraf hidup rakyat sekalian. Apa yang telah dilakukan setakat ini oleh Kerajaan ialah suatu saranan kepada semua pihak dalam masyarakat, pengguna dan industri, supaya menyedari peri mustahaknya membeli barangan buatan sendiri.

Antara langkah-langkah, yang telah dijalankan di bawah kempen tersebut, termasuklah aktiviti promosi dan publisiti terhadap barangan tempatan; pendidikan melalui perpaduan syarahan, mengarang dan melukis poster bagi penuntut-penuntut sekolah; seranta seperti promo di radio dan TV dan ceramah-ceramah; dan kajian mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada kaitannya dengan penggunaan barangan tempatan. Kesemua aktiviti tersebut, yang telah dijalankan dengan sempurnanya di bawah Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia, telah membangkitkan kesedaran umum terhadap pentingnya rakyat tempatan membeli barangan buatan negara sendiri.

Sebagai strategi jangka panjang, Jawatankuasa Pemandu Kempen telah mengenalpasti beberapa aktiviti kempen yang wajar diteruskan selepas kempen ini. Pameran Belilah Barangan Buatan Malaysia dan Anugerah Barangan Cemerlang, akan dianjurkan sebagai suatu aktiviti

tahunan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia. Promosi jualan barangan tempatan, yang berjaya diadakan oleh pusat beli belah di seluruh negara, juga akan saya syorkan kepada dewan-dewan perniagaan dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia supaya meneruskan aktiviti-aktiviti promosi seperti itu. Sementara itu, promo di radio dan TV, yang ada kesan psikologinya terhadap pengguna akan juga saya cadang kepada Kementerian Penerangan supaya dikekalkan. Di samping itu, agensi-agensi Kerajaan akan terus digalakkan atau diwajibkan, supaya membeli barangan tempatan sejauhmana yang boleh dalam tender-tender Kerajaan.

Watau apa sekalipun, sama ada Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia akan mendatangkan kejayaan atau keberkesanan melebihi yang telah pun diwujudkan itu, iaitu meningkatkan jualan barangan tempatan, adalah bergantung sebahagian besarnya kepada usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak industri tempatan dan juga kepada perubahan sikap dan nilai kepenggunaan rakyat sekalian. Pihak pengeluar dan peniaga harus mengadakan strategi-strategi pemasaran barangan tempatan yang lebih dinamik di samping mengadakan program-program meningkatkan mutu barangan mereka. Pengguna-pengguna pula haruslah mengubah sikap membeli dan berbangga dengan barangan buatan Malaysia.

Saya percaya bahawa selepas kempen ini dewan-dewan perniagaan dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia akan berganding bahu, merancang dan merumus langkah-langkah atau program jangka panjang untuk meningkat pengeluaran barangan tempatan dan juga langganan pengguna-pengguna tempatan terhadap barangan buatan negara sendiri. Sekiranya semua

pihak, khususnya industri dan pengguna, memainkan peranan masing-masing dengan sewajarnya, saya yakin bahawa kesedaran umum mengenai pentingnya kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia yang telah ditimbulkan itu pasti akan membawa kepada kesan-kesan positif untuk ekonomi negara.

HARGA GETAH DI PASARAN

16. Tuan Bahrom bin Haji Bakar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab tertentu yang membawa kepada kejatuhan harga getah di pasaran ketika ini ke paras yang begitu rendah jika dibandingkan dengan masa-masa yang lalu; dan
- (b) apakah langkah-langkah atau rancangan-rancangan perlu yang telah dan akan dibuat oleh Kerajaan bagi menstabilkan harga getah di pasaran ketika ini bagi menyelamatkan taraf pendapatan para pekebun kecil yang terlibat di sektor ini yang agak merosot.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Kemelesetan ekonomi yang masih belum pulih semenjak kira-kira empat tahun yang lalu menyebabkan kebanyakan komoditi yang dipasarkan di pasaran antarabangsa termasuk getah masih menghadapi pasaran yang lembab. Bekalan getah asli yang berlebihan dari beberapa negara pengeluar utama lain serta amalan perdagangan oleh setengah-setengah negara pengeluar telah melemahkan lagi harga getah di pasaran dunia.

Mengenai langkah-langkah Kerajaan bagi menstabilkan harga getah, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) telah diwujudkan sejak tahun 1979

dan setakat ini Operasi Stok Penimbal di bawah INRA telah pun membeli lebih daripada 350,000 tan getah dari pasaran. Malaysia telah menyumbangkan lebih kurang \$224 juta dari jumlah sumbangan sebanyak lebih kurang \$890 juta kepada Stok Penimbal INRO. Dengan adanya perjanjian ini sekurang-kurangnya ia dapat menahan harga getah dari terus jatuh ke paras yang lebih rendah lagi. Walau bagaimanapun adalah diakui perjanjian ini masih mempunyai kelemahan-kelemahannya dan dengan itu Malaysia dan negara-negara pengeluar yang lain sedang berusaha untuk memperkemas dan memperbaiki Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang kedua kelak di mana rundingan selanjutnya akan diadakan di awal tahun hadapan.

Selain daripada itu sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, MARDEC dan RISDA sentiasa berada di pasaran bagi membeli getah pekebun-pekebun kecil bagi menentukan harga yang ditawarkan kepada mereka adalah adil dan kompetitif. Saya ingin juga mengambil kesempatan memaklumkan bahawa sejak minggu yang lepas harga getah telah mula pulih dan harga SMR 20 telah meningkat dari 158 sen sekilo pada 1 Oktober kepada 174.5 sen sekilo pada 14 Oktober 1985, sementara harga RSS 3 telah juga naik dari 168 sen sekilo kepada 176 sen sekilo bagi tempoh tersebut.

Perlu juga ditegaskan bahawa walau apa-apa langkah sekalipun diambil oleh Kerajaan, harga getah adalah dipengaruhi oleh faktor bekalan dan permintaan bahan tersebut. Dengan itu adalah perlu bagi kita supaya terus mempergiatkan usaha-usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Dalam hubungannya ini, usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan getah telah pun

dipertingkatkan dengan memperkenalkan benih-benih yang bermutu tinggi, penyelidikan ke arah mengurangkan tempoh belum matang dan menjimatkan harga buruh serta cara penorehan yang lebih baik. Di samping penghasilan teknologi moden, usaha-usaha dipergiatkan lagi menjamin pemindahan dan pelaksanaan teknologi tersebut secara berkesan di peringkat industri khususnya pekebun-pekebun kecil. Bagi pihak pengeluar-pengeluar pula adalah penting bagi mereka supaya menggunakan segala teknologi-teknologi yang ada diperkenalkan termasuk amalan agronomik dan pengurusan kebun yang baik bagi meningkatkan produktiviti. Dengan usaha-usaha ini adalah diharapkan dapat mengurangkan kesan dari kejatuhan harga tersebut.

BAYI PENDATANG HARAM

17. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan bayi-bayi pendatang haram yang dilahirkan di (i) Hospital Besar Kuala Lumpur (ii) Hospital Besar Johor Bahru (iii) Hospital Besar Keluang dan (iv) di semua Hospital Kerajaan dalam tahun (a) 1984 dan (b) bagi 9 bulan pertama tahun 1985.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Mengikut Akta Kelahiran dan Kematian 1957, setiap kelahiran yang berlaku di negara ini hendaklah didaftarkan. Maklumat-maklumat yang perlu, termasuk nombor dan warna Kad Pengenalan Ibubapa, direkodkan di dalam Surat Akuan Beranak yang dikeluarkan di bawah Seksyen 14 Akta tersebut.

Dalam keadaan kecemasan hendak bersalin, ibubapa berkenaan tidak membawa Kad Pengenalan mereka ke Hospital. Oleh itu, nombor dan warna kad pengenalan mereka tidak dapat dicatatkan di dalam Surat Akuan Beranak. Ini bukan bermakna bahawa

ibu yang melahirkan bayi itu ialah seorang pendatang haram. Oleh itu, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai rekod kelahiran bayi-bayi pendatang haram di negara ini.

PROSPEK EKONOMI NEGARA

18. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-ancangan yang telah atau sedang dibuat untuk mempergiatkan semula atau "reactive" serta memperkukuhkan ekonomi negara kita di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan disebutkan kadar pertumbuhan yang dijangkakan pada tempoh 5 tahun akan datang jika segala rancangan yang dibuat dalam pelan tersebut dilaksanakan.

Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Kelima akan dibentangkan di Parlimen dalam bulan Mac, 1986 nanti. Semasa perbentangan tersebut, segala rancangan-ancangan dan matlamat-matlamat bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima akan dibentangkan kelak. Pada masa itu, Ahli Yang Berhormat akan berpeluang menganalisa dan membincangkan dengan lebih terperinci mengenai Rancangan tersebut.

Walau bagaimanapun seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, prospek ekonomi negara bagi tahun 1986 pula, telah pun dikemukakan dalam Belanjawan baru-baru ini dan juga telah dibincangkan dalam Dewan ini. Prospek bagi tempoh yang seterusnya, akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

INDUSTRI PETRO KIMIA—PERTUMBUHAN

19. Dr George Chan Hong Nam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat satu

pelan induk untuk mem-perkembangkan industri petroleum, gas dan petro-kimia di negara kita, khasnya bagi negeri-negeri yang mengeluarkan petroleum dan gas, jika ya sila sebutkan rancangan-rancangan kasarnya dan nyatakan sama dan insentif-insentif khas akan diadakan untuk menggalakkan pertumbuhan industri petro-kimia khasnya dan industri petroleum dan gas pada amnya, jika pelan tersebut masih belum diadakan atau tidak akan diadakan, sila beri sebab-sebabnya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Pada masa ini tidak ada pelan induk yang khas bagi projek-projek industri petroleum, gas dan petro-kimia yang dibuat oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedang menyiapkan satu Pelan Induk Perindustrian Negara. Salah satu dari projek perindustrian yang akan dimasukkan dalam pelan tersebut ialah industri petroleum, gas dan juga petro-kimia.

Selain dari itu PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak milik Kerajaan juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan perkembangan industri petroleum, gas dan petro-kimia di negara ini selaras dengan objektif dan fungsi-fungsi penubuhannya. Ke arah ini, PETRONAS sentiasa menjalankan kajian dan penyelidikan bagi mengenalpasti projek-projek petroleum, gas dan petro-kimia dapat dimajukan di negeri-negeri yang mengeluarkan petroleum memandangkan tempat-tempat berkenaan berdekatan dengan sumber-sumber petroleum yang dieksplotasi.

Selain dari PETRONAS, syarikat-syarikat swasta juga ada menjalankan projek-projek petro-kimia di negara ini. Bagi menggalakan lagi penyertaan sektor swasta, insentif-insentif

tertentu bagi projek-projek petroleum yang layak mendapatkan galakan disediakan di bawah Akta galakan Pelaburan 1968, seperti industri-industri yang lain.

UNDANG-UNDANG POLIGAMI

20. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengetatkan undang-undang poligami. Jika ya, apakah peraturan-peraturan yang akan;

- (a) diubahkan
- (b) dikemukakan

Jika tidak mengapa.

Apakah bilangan kes poligami/bigami yang wujud di kalangan kaum:

- (i) Melayu;
- (ii) China; dan
- (iii) India.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Undang-undang Poligami pada masa sekarang bagi orang-orang bukan Islam adalah didapati cukup ketat kecuali di mana perkahwinan kedua itu dilakukan di luar Malaysia. Kerajaan sedang menimbangkan kebijaksanaan untuk meminda Akta berkenaan bagi memberikan Mahkamah di Malaysia bidang kuasa untuk membicarakan kes-kes bigami yang dilakukan di luar Malaysia.

Bagi orang-orang Islam pula Parlimen telah meluluskan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Undang-undang ini ada membekalkan peruntukan mengenai poligami. Beberapa negeri telah mengubal undang-undang keluarga Islam berpandukan Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) itu. Peraturan-peraturan

mengenai poligami dalam Undang-undang keluarga Islam itu sudah memadai dan tidak perlu dikedatkan lagi.

Bilangan kes poligami/bigami yang wujud di kalangan kaum tidak dapat diberikan oteh kerana tidak ada statistik di atas perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (29hb Oktober, 1985).

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1986

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan

jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (29hb Oktober, 1985).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, sila sambung.

3.38 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong); Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya mempunyai nota-nota yang sangat extensive lagi, mungkin lebih daripada 1 1/2 jam pun tidak habis, tetapi saya akan buat ucapan secara ringkas sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu salah satu faktor itu ialah kerana pada akhir-akhir ini Jabatan Perdana Menteri sudah pun mengirinkan satu buku untuk meningkatkan daya pengeluaran. Di dalamnya ada beberapa rencana yang menggalakkan semua orang termasuk Wakil-wakil Rakyat meningkat pengeluaran ini sebagai contoh teladan.

Pada hakikatnya saya sudah membuat janji kepada pengundi-pengundi di kawasan Kepong dan Bandar Kelang supaya membangkitkan sedaya yang boleh di dalam Dewan ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mengkotakan janji itu sebagai satu kempen "Bersih, Cekap dan Amanah".

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan yang sama di dalam Laporan Ekonomi jumlah hutang Kerajaan Persekutuan sebanyak \$56,927 juta pada akhir tahun 1984 dijangka menunjukkan tambahan yang sederhana sebanyak 7% menjadi \$60,912 juta iaitu satu pertambahan sebanyak \$3,984.89 juta. Dari jumlah ini \$39,591 juta terdiri daripada hutang Kerajaan Persekutuan di dalam negeri manakala hutang di luar

negeri adalah \$21,321 juta. Laporan tersebut juga memberikan nilai bayaran faedah ke atas jumlah hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1985 sebagai \$5,459 juta, ini merupakan 28% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 1985. Di peringkat ini terdapat perbezaan yang wujud, perbezaan yang pertama adalah di antara carta 19 Laporan Ekonomi dengan apa yang tertulis di dalam perenggan yang berkenaan.

Menurut carta 19, bayaran pokok bagi hutang dalam dan luar negeri adalah 28%, sementara bayaran faedah adalah 72%. Jika kita mengandaikan apa yang tertulis adalah benar, maka perbezaan yang kedua pula yang wujud. Seperti yang telah disebutkan tadi bayaran faedah merupakan 28% daripada Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan pada tahun 1985. Laporan yang sama telah memberikan Perbelanjaan Mengurus tersebut sebagai \$21,538 juta termasuk pindahan \$1 billion kepada Tabung Pembangunan. Maka 28% daripada jumlah \$21,538 juta adalah \$6,030.64 juta. Jika tidak mengira pindahan \$1 billion, 28% daripada \$20,538 juta adalah \$5,750.64 juta. Manakala jika diambil nilai \$21,855 juta sebagai Perbelanjaan Mengurus selepas penyemakan dan penyelarasan gaji, nilai 28% daripada jumlah tersebut adalah \$6,130.6 juta. Perbezaan-perbezaan nilai tersebut didapati dalam muka surat 119, Laporan Ekonomi 1985/1986 di atas jelas menunjukkan ketidaktepatan data yang dikumpul di dalam ekonomi kita. Ini haruslah diperbaiki dengan secepat mungkin jika ianya merupakan masalah teknik, tetapi yang merisaukan adalah kemungkinan bahawa data-data tersebut adalah disesuaikan untuk memberi gambaran yang kurang buruk kepada rakyat Malaysia.

Saya berharap dan percaya ahli-ahli professional di dalam khidmat Kerajaan ini tidak akan memberi angka-angka dan data-data yang salah kerana kalau berbuat demikian adalah tidak adil dan tidak sesuai untuk riegara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya hutang luar negeri telah bertambah sebanyak 8.2% kepada \$40,441 juta pada tahun 1985. Komponen-komponen hutang negara yang lain seperti hutang sektor awam, dalam negeri, pinjaman kredit pembekal Kerajaan Persekutuan, bayaran faedah dalam dan di luar negeri dan hutang sektor swasta kesemuanya juga turut mencatat kadar pertumbuhan sebesar 53%, tambahan bersih dalam bayaran balik pokok hutang dalam negeri Kerajaan Persekutuan, dan sekurang-kurangnya 9.12% dalam hutang sektor awam. Setakat manakah maklumat-maklumat yang kita dapati membayangkan keadaan yang sebenar, inilah satu jawapan yang kita semua berkehendakkan daripada pihak Kerajaan.

Walau bagaimanapun, satu faktor yang saya hendak bangkitkan di sini adalah mengenai tindakan Kerajaan Persekutuan meminjam wang untuk membayar balik hutang yang sama. Perkara ini telah berlaku pada bulan September yang lalu, apabila satu pinjaman US\$650 juta iaitu M\$1.62 ribu juta dalam bentuk, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, floating rate note telah dibuat. Wang ini adalah bertujuan untuk membayar balik hutang negara. Jika ini berterusan, maka beban hutang yang ditanggung untuk guna tenaga Malaysia akan turut bertambah, logiknya adalah jika pihak Kerajaan berhutang banyak, maka rakyat sekalian yang menderita kerana perlu membayar kadar cukai yang tinggi di samping menanggung kos pembangunan yang tinggi.

Buat masa sekarang setiap pekerja dalam Malaysia sedang menanggung \$7,349.42 daripada hutang negara. Mereka juga dijangka terpaksa membayar sejumlah \$9.828 billion dalam bentuk cukai pendapatan perseorangan, cukai jualan, cukai jalan, cukai kastam dan lain-lain cukai tak langsung bagi tahun 1986. Oleh itu saya bercadang bahawa Kerajaan Persekutuan berusaha dengan lebih lagi untuk mendapatkan balik wangnya yang masih dihutangkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri serta Badan-badan Berkanun dan seterusnya membuat lebih kawalan dan mengambil lebih langkah untuk mengurangkan hutang negara terutamanya hutang daripada pasaran dunia yang mempunyai faedah yang tinggi, yang akan merugikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi sektor kesihatan difahamkan bahawa pihak Kerajaan akan meluluskan satu Rang Undang-undang yang tidak membenarkan doktor-doktor swasta dari menjual ubat-ubatan di dalam klinik mereka. Difahamkan juga bahawa Rang Undang-undang tersebut telah dirangka atas desakan sekumpulan orang yang hanya mementingkan keuntungan wang dan bukan nyawa manusia. Jika pihak Kerajaan meluluskan Rang Undang-undang tersebut dengan tergesa-gesa, maka ia juga harus bertanggungjawab terhadap sebarang nyawa pesakit yang terkorban disebabkan tidak mendapat ubatnya dengan cepat. Perangkaan Rang Undang-undang ini jelas menunjukkan ketidakecakapan serta kelemahan setengah-setengah orang di dalam Kementerian Kesihatan, kerana telah tunduk kepada sektor masyarakat hanya asyik memelihara kepentingan sendiri tanpa mengira kesusahan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai seorang doktor dalam bidang khusus kalau Rang Undang-undang ini

dibentang dan diluluskan di Dewan yang mulia ini, saya sendiri akan mendapat keuntungan yang besar, akan tetapi saya mengira membangkitkan hal ini dari segi rakyat.

Sebenarnya doktor-doktor biasa suka untuk membentangkan Rang Undang-undang ini kerana mereka akan mendapat keuntungan. Walau bagaimanapun jika Rang Undang-undang dijalankan, maka ini akan bermakna bahawa hanya ahli-ahli farmasi sahaja yang berhak untuk menjual ubat-ubatan.

Di sini saya hendak menekankan ahli farmasi itu yang masuk ke universiti hanya mengalami latihan 3 tahun sahaja, doktor ini sekurang-kurangnya 6-7 tahun, kalau doktor pakar itu tambah 8 ataupun 12 tahun lagi.

Di sini saya hendak memberi peringatan kepada Timbalan Menteri Kesihatan supaya berfikir dengan lebih wajar apabila mengeluarkan kenyataan bahawa doktor-doktor tidak tahu bila mengeluarkan prescription dan sebagainya mengenai jenis-jenis ubat yang digunakan. Dengan latihan yang begitu panjang kalau dibanding dengan ahli farmasi ini memang mewujudkan satu perbezaan yang besar, kami pihak doktor akan lebih bertanggungjawab, lebih aktif dan moral daripada ahli-ahli farmasi. Saya menyebut tentang ahli farmasi yang tidak bertanggungjawab, bukan yang orang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, jika yang dibincangkan di sini adalah kedai kedai ubat Cina maka masatah kekurangan kedai-kedai yang sedemikian tidak akan wujud, tetapi yang ditimbangkan di sini merupakan farmasi-farmasi yang tidak terdapat di merata-rata tempat tidak seperti kedai ubat Cina. Buat masa sekarang

kita telah pun menghadapi masalah kekurangan doktor untuk pesakit. Mengikut Laporan Ekonomi hanya terdapat seorang doktor bagi setiap 3,005 orang pesakit iaitu angka tahun 1983. Mengikut Kajtan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, nisbah klinik desa dengan penduduk adalah tiap-tiap 1 klinik desa bagi 4,258 orang dalam tahun 1983. Nisbah pusat-pusat kesihatan dengan penduduk adalah 1 pusat bagi 19,783 dalam tahun 1983.

Pihak Kerajaan harus ingat bahawa jumlah penduduk di dalam negara sekarang adalah 15.677 juta berbanding dengan 14.88 juta dalam tahun 1983. Tahun demi tahun angka ini akan meningkat, tetapi kadar klinik dan pusat-pusat kesihatan meningkat dengan lebih perlahan kerana ianya melibatkan kos-kos pembinaan yang tinggi dan latihan-latihan untuk doktor terutamanya doktor-doktor pakar mengambil masa yang panjang. Memandangkan betapa susahnya untuk memperolehi perkhidmatan seseorang doktor mahupun klinik terutamanya di kawasan luar bandar, apatah lagi dengan farmasi-farmasi, seorang pesakit terpaksa berbaris untuk mendapat rawatan daripada doktor dan kemudian pula berbaris menunggu giliran di farmasi-farmasi. Jika dan hanya jika pesakit itu dapat mencari sebuah farmasi berdekatan, pesakit tersebut mungkin terpaksa berjalan berbatu-batu jauhnya untuk mencari sebuah farmasi dan jika nasibnya kurang baik pada hari itu, ubat yang ditentukan atau "prescribed" oleh doktornya telah kehabisan bekalannya di satu farmasi, berapa farmasi serta berapa batu lagilah yang dia perlu untuk berjalan untuk mendapatkan ubat. Masalah inilah yang akan memberi banyak kesusahan jika Rang Undang-undang tersebut diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah elok Yang Berhormat bercakap

jikalau sekiranya Rang Undang-undang itu dibentang di dalam Dewan ini nanti?

Dr Tan Seng Giaw: Saya berharap Rang Undang-undang itu tidak akan dibentangkan di sini. Itulah sebab saya bercakap dengan lebih awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan. Rang Undang-undang ini tidak akan memberi kesan yang besar ke atas pendapatan doktor-doktor kerana mereka boleh menaikkan yuran pemeriksaan mereka. Mereka juga tidak memerlukan modal yang besar dan untuk membuka sebuah klinik yang hanya diperlukan adalah pejabat yang kecil. Wang modal mereka yang pada masa sekarang terikat di dalam bentuk bekalan ubat-ubatan boleh dibebaskan untuk pelaburan. Dengan inilah saya berharap pihak Kementerian Kesihatan yang memberi nasihat yang salah kepada Menteri dan Timbalan Menteri Kesihatan itu menimbang dengan sebaik-baik dan semasak-masaknya sebelum menggubal Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai petroleum mentah dan gas asli, keluaran petroleum pada tahun 1986 akan ditingkatkan kepada 510,000 tong sehari sepertimana yang disarankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri berbanding dengan lebih kurang 430,000 tong sehari pada tahun ini. Keputusan ini dibuat supaya hasil pendapatan eksport petroleum mentah akan ditingkatkan kepada \$9,514 juta. Pada tahun lepas pendapatan daripada petroleum berjumlah \$8,206 juta mengalami penurunan sebanyak 6.1% sementara jumlah eksport turun sebanyak 4.8%. Pendapatan eksport bagi gas asli cecair dalam tahun 1984 adalah \$1.741.2 juta.

Malaysia dijangka telah meng-eksport 196,000 tan metrik gas petroleum dan seperti yang

dijawabkan oleh Menteri tersebut, manakala eksport gas cecair asli adalah 4.05 juta tan metrik. Jumlah hasilnya tetap menjadi rahsia. Keputusan Kerajaan meningkatkan keluaran petroleum bukan sahaja akan menjejaskan harga petroleum melalui penawaran berlebihan tetapi adalah bertentangan dengan dasar susutan petroleum dan gas. Harga petroleum dijangka akan turun kepada mungkin US\$20 setong kerana permintaan dunia yang lembab bagi komoditi tersebut dan juga mungkin hasil daripada tindakan Sheikh Yamani untuk membezakan ahli-ahli OPEC yang telah membolot dasar cartel tersebut.

Dengan keadaan ketidakstabilan harga petroleum, keluaran tambahan akan berkemungkinan besar untuk menyumbang kepada penurunan harga minyak dan sekiranya berdegil dan terus menambahkan keluaran untuk mencapai tingkat hasil eksport yang diharap-harapkan, sumber kewangan negara daripada sektor ini akan lebih cepat kehabisan.

Tuan Yang di-Pertua, amnesty yang diadakan untuk mengembalikan pelaburan Malaysia di luar negeri kepada ekonomi kita adalah langkah yang telah saya sebutkan semalam, akan tetapi yang penting sekarang adalah wang pelaburan PETRONAS di luar negeri dalam bentuk bond dan sebagainya yang bernilai mungkin sekurang-kurangnya \$5 billion mesti dikembalikan kepada negara kita untuk pelaburan dalam ekonomi kita. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Kerajaan untuk menyelenggarakan kadar faedah kepada paras yang dikehendaki sehingga pilihanraya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap akaun-akaun PETRONAS dibentangkan di dalam Dewan Rakyat setiap tahun untuk renungan Wakil-wakil Rakyat dan dasar kesusutan petroleum dan gas mesti terus

dilaksanakan. Sekiranya Akta-akta perlu dipinda untuk membentangkan akaun-akaun PETRONAS ini diadakan, saya berharap pihak Kerajaan dapat berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lalu hanya 27,000 orang pelajar dari jumlah 120,000 pelajar SPM dan MCE yang layak untuk memasuki Tingkatan VI berjaya berbuat demikian. Ini bermakna seramai 83,000 yang lain tidak dapat meneruskan pelajaran mereka di dalam sekolah-sekolah Kerajaan. Sehingga tahun 1984 terdapat 5 institut perindustrian yang mampu mengeluarkan 4,200 pekerja terlatih. Jumlah ini adalah kecil berbanding dengan bilangan tenaga kerja yang perlu menerima latihan.

Malaysia sebagai , sebuah negara yang di dalam proses perindustrian memerlukan tenaga kerja teknik yang mahir di samping pekerja separuh mahir. Oleh itu Kerajaan perlu membina lebih banyak institusi vokasional dan politeknik yang baru untuk menampung keperluan tenaga buruh Malaysia. Sekurang-kurangnya 23 buah sekolah vokasional dan politeknik yang diperlukan pada masa ini. Menjelang tahun 1990 bilangan ini seharusnya ditambahkan kepada sekurang-kurangnya 10 buah universiti bertaraf antarabangsa dan 50 buah kolej teknik.

Tuan Yang di-Pertua, institusi-institusi pelajaran tinggi tempatan harus diwastakan. Institusi-institusi tersebut juga harus bertaraf antarabangsa supaya setiap pelajar yang berkelayakan akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka. Kini pengangguran di kalangan siswazah semakin memburuk. Oleh yang demikian kajian keperluan gunatenaga tempatan harus dikendalikan dari semasa ke semasa untuk mengelakkan keadaan ini dari bertambah melarat.

Masalah kekurangan guru yang terlatih terutamanya di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan yang menghadapi kekurangan di sekolah-sekolah Cina sebanyak 1,400 orang guru dalam tahun 1984 mestilah juga diberi perhatian.

Sebenarnya masalah ini wujud disebabkan ramai pemohon-pemohon yang tidak berjaya untuk diterima masuk ke dalam kolej-kolej latihan guru-guru. Langkah-langkah seperti dasar menggolongkan rakyat kepada bumiputera dan bukan bumiputera berjaya mewujudkan polarisasi kaum. Keperluan untuk memperbetulkan ketidak seimbangan sosio-ekonomi memanglah perlu tetapi usaha-usaha tersebut tidak seharusnya menjejaskan pencapaian perpaduan di kalangan murid-murid sekolah. Aktiviti kokurikulum juga tidak akan berjaya selagi pembahagian ini wujud.

Untuk mengetahui hakikat polarisasi kaum yang sebenarnya, kajian di semua institusi pendidikan mesti dijalankan dan di situ Menteri Pelajaran boleh nampak walaupun di bawah satu bumbung polarisasi kaum masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Betanjawan 1986 hanya akan menubuhkan satu cawangan Universiti Sains Malaysia di Ipoh. Ini adalah tidak mencukupi dan saya berharap untuk masa depan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tiap-tiap negeri dalam Malaysia hendaklah mempunyai sebuah universiti.

Tuan Yang di-Pertua, biiangan sekolah rendah dan menengah hendaklah ditambah sejajar dengan pertambahan penduduk sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Pada minggu yang lepas akhbar tempatan menyiarkan bahawa dua buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) akan

dibina, satu di Serdang, Seri Kebangan, Selangor dan satu lagi di Cheras, Wilayah Persekutuan. Sekiranya berita ini benar, maka saya harap Kementerian Pelajaran dapat menunaikan janji ini dengan secepat mungkin terutamanya semasa kebanyakan SRJK (C) tidak dapat menampung bilangan murid yang meningkat dengan pesat tiap-tiap tahun di seluruh negara.

Di kawasan Kepong dan bandar Kelang, taman-taman perumahan bertambah dengan pesat. Selain daripada membina sekolah-sekolah rendah kebangsaan, Kerajaan seharusnya mengadakan SRJK (C) dan SRJK (T) jika ada permintaan yang berdasarkan takkulan, misalnya membina sebuah SRJK (C) di Kepong Baru.

Walaupun pihak pemimpin UMNO Nasional telah berjanji untuk membina sebuah SRJK (C) di Taman Berkley di bandar Kelang pada tahun 1977 dan 1978 dan pernyataan ini telah dilaungkan berulang kali akan tetapi sehingga hari ini janji ini tidak dapat ditunaikan, tidak sejajar dengan Kempen Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, Agensi-agensi Luar Belanjawan. Kawalan Kerajaan Persekutuan setakat mengurangkan peruntukan perbelanjaan ALB sebanyak \$2 billion bagi tahun 1986 adalah tidak mencukupi. ALB dengan senang sekali dapat meminjamkan wang daripada pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Institusi-institusi di dalam dan di luar negeri untuk membiayai defisit akaun mereka. Ini terbukti apabila kemurahan hati Kerajaan Persekutuan telah membiayai defisit agensi-agensi ini pada tahun 1984 dengan sumbangan wang berjumlah \$2.5 billion. Manakala pinjaman sebanyak \$1 billion dipinjam daripada institusi dalam negeri dan \$2 billion daripada sumber-sumber di luar negeri.

Sebagaimana yang kita semua ketahui pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh agensi-agensi berkanun ini adalah dijamin oleh Kerajaan Persekutuan. Pelancaran sistem amaran awal patut disyorkan bahawa tindakan yang tangkas diambil pada masa yang tepat. Cara pelaksanaan sistem ini seharusnya dikemukakan kepada semua Ahli Parlimen supaya ianya dapat dikaji dengan telitinya dan satu sistem yang lebih berkesan dapat dirumuskan bersama-sama, Akaun ALP juga mesti diaudit dan dibentangkan di Parlimen setiap tahun untuk disemak oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kira-kira Wang juga mesti diberi kebebasan untuk menyalut sebarang kes penyelewengan dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun terutamanya ALB. Untuk menjadikan sebuah Jawatankuasa yang berkesan, ianya seharusnya dipengerusikan oleh seorang ahli dari Parti Pembangkang yang bukan sahaja berpengalaman tetapi juga berpengetahuan. Pertanggungjawapan kewangan serta pertanggungjawapan prestasi adalah dua nilai yang harus dipupuk, yang terutama sekali dalam sebuah Kerajaan yang bercogankata Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kumpulanwang Simpanan Pekerja, ia merupakan sumber kewangan Kerajaan Persekutuan yang utama sekali yang membentuk 46.4% daripada kewangan Kerajaan. Dana KWSP pada masa ini berjumlah \$23 billion dengan kadar caruman bulanan sebanyak \$200 hingga \$250 juta. Oleh kerana pihak Kerajaan Persekutuan merancang perbelanjaan pembangunan di antara \$80 billion hingga \$120 billion di bawah Rancangan Malaysia Kelima, maka ianya dicadangkan untuk meningkatkan jumlah caruman KWSP kepada 30%. Skim yang baru ini

membahagikan jumlah caruman kepada dua akaun, akaun simpanan dan akaun pencaruman. Antara ganjaran yang diberi kepada para pekerja skim KWSP yang baru ini membolehkan pencarum mengeluarkan 90% daripada caruman mereka untuk membeli rumah. Pencarum mesti berumur 30 tahun ke atas dan telah membuat caruman untuk sekurang-kurangnya lima tahun atau mengeluarkan 50 daripada pencaruman untuk melaburkan ke dalam unit-unit stok yang diluluskan oleh Kerajaan. Setakat ini Kerajaan hanya meluluskan pelaburan ke dalam ASN sahaja.

Wang dalam akaun pencen yang hanya boleh dikeluarkan apabila pencarum bersara akan diberi dalam bentuk ganjaran 5% daripada tanggagaji yang terakhir didarab dengan bilangan bulan caruman dibuat. Wang itu boleh diberi dalam bentuk pencen bulanan untuk jangka masa di antara 20-25 tahun. Skim ini tidak mempertimbangkan beban ke atas majikan di sektor perladangan yang kini perlu meminjam untuk meneruskan operasi mereka atau cara bagaimana seseorang pekerja dapat menyelesaikan pembayaran rumahnya selepas wang pendahuluan 10% dibuat daripada pengeluaran caruman sebanyak 90% tadi.

Penggunaan wang caruman untuk pelaburan hanya melibatkan pekerja Melayu dan Portuguese Eurasians. Wang pencen yang diberi secara berperingkat-peringkat menghalang pencarum daripada mendapat pulangan yang lebih besar jika ia menyimpan dalam bank-bank tempatan sebagai simpanan tetap. Bank Dunia telah menasihatkan pihak Kerajaan supaya sentiasa melaburkan wangnya dengan lebih berdisiplin. Memandangkan bahawa KWSP merupakan sumber utama pinjaman Kerajaan, maka kegagalan pelaburan-pelaburan Kerajaan akan juga

membawa kesan yang buruk kepada rakyat sekalian terutama sekali ketika Kerajaan menghadapi masalah pembayaran balik hutangnya. Seterusnya kesejahteraan rakyat akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 telah memperuntukkan sejumlah \$1,668 juta bagi pembangunan tanah, projek pertanian bersepadu dan bantuan baja. Daripada episode sejarah yang lepas hanya sebahagian kecil daripada ladang yang dibangunkan dikerjakan di antara 12.6% dan 19.8%. Bantuan baja padi serta subsidi harga telah mewujudkan mentaliti subsidi serta bergantung kepada bantuan Kerajaan di kalangan petani-petani dan nelayan. Akibatnya penarikan balik subsidi-subsidi serta bantuan Kerajaan adalah satu perkara yang mustahil.

Masalah tanah terbiar disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya adalah kekurangan tenaga buruh yang muda dan dinamis. Dasar perbandaran Kerajaan telah menarik ramai pemuda pemudi dari kawasan luar bandar keluar ke dalam bandar sehingga kekurangan tenaga buruh telah meningkat dari 2% kepada 8.6%. Sebagai penyelesaian kepada masalah ini, Kerajaan menandatangani Perjanjian Buruh dengan negeri Indonesia dan Bangladesh. Kumpulan Ladang-ladang Terengganu Sendirian Berhad sebuah subsidiari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri menggajikan lebih kurang 1,620 orang pendatang haram dari Indonesia dan negeri Thailand. Kesannya adalah kedengkian tenaga buruh tempatan terhadap mereka ini disebabkan harapan untuk mendapat kenaikan upah daripada tingkat upah tahun 1979 tidak terjadi. Konsep pasaran tani adalah satu konsep yang patut galakan kerana ianya dapat memupuk sikap berdikari di kalangan petani dan nelayan. Tambahan pula pelaburan

yang diperlukan untuk pembinaan pasar tani adalah rendah serta pengguna-pengguna dapat menikmati sayuran dan ikan yang lebih murah.

Menarik balik duti import dari kelengkapan pertanian dan perikanan seperti echo sounder, radar dan sonar merupakan ekoran daripada perjanjian yang dibuat oleh pihak Kerajaan dengan nelayan Thai untuk pemindahan teknologi dan pengalaman dalam penangkapan ikan di perairan datam. Pada masa ini 960 daripada lesen-lesen penangkapan ikan sejumlah 24,473 yang dikeluarkan adalah untuk penerokaan di laut dalam. Lebih kurang 200 buah bot Thai yang sedang menjalani aktiviti-aktiviti perikanan di dalam Zon Eksklusif Ekonomi Malaysia bagi 110,000 orang nelayan tempatan. Perjanjian ini akan menjejaskan jumlah hasil penangkapan ikan mereka.

Cara yang lebih bermanfaat adalah melatih para pegawai Jabatan Perikanan untuk mengajar para nelayan. Tindakan inilah melibatkan kos permulaan yang kecil tanpa pengorbanan hasil yang tinggi apabila nelayan Thai dibenar meneruskan aktiviti-aktiviti mereka dalam perairan Malaysia. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengkaji semula mengenai perjanjian dengan Negeri Thai ini kerana akan menjejaskan nelayan-nelayan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya telah bangkitkan pelbagai cadangan dan syor. Saya berharap dapat diterima oleh pihak Kerajaan kerana syor ini adalah bernas dan dengan penyerapan nilai-nilai Islam dan ciri-ciri yang tinggi yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semalam beliau membangkitkan perkara ini lagi mengenai keamanan untuk ahli-ahli perniagaan dan sebagainya. Dan memang kita seharusnya mempunyai harapan yang tinggi, mempunyai satu

vision, satu angan-angan dan mata berpinar, pakai kain jangan pencung, tersusun sebelah serung, sudah terkena mabuk kecubung, naik berpinar mata mampung.

Inilah satu vision dan kadangkala kerana vision inilah negara dapat membangun dengan pesat dan rakyat dapat menikmati lebih faedah dan lebih sejarah, lebih sejahtera dan tenteram. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lipis.

4.15ptg.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk memberi sedikit pendapat berkenaan dengan perkara-perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lalu. Dan melalui Dewan yang mulia ini, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir kerana mengeluarkan satu rencana Belanjawan 1986 dengan utasan-ulasan bernas sebagai panduan bersama.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengajak pihak swasta lebih bergiat. Ini saya sangat bersetuju apatah lagi Yang Berhormat Menteri menjanjikan beberapa dorongan. Saya ahli swasta hanya penasihat sahaja. Mengikut kata orang kalau daya buat, kalau tidak daya nasihat. Hanya saya memohon bantulah pihak swasta yang berkecimpung dengan industri membuat barang, dengan industri bercucuk tanam seperti sayuran, pisang, betik, industri menceria ikan dan industri pelancongan.

Semuanya ini adalah industri yang bukan sahaja memberi keuntungan kepada si pengusaha tetapi juga kepada Kerajaan dengan cara cukai pendapatan dan foreign exchange, dengan izin.

Saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tentang tani-niaga atau dengan izin commercial agriculture ini. Di dalam Dasar Ekonomi Baru yang berlandaskan Rukunegara sambil membasmi kemiskinan yang tidak mengenal kaum maka masyarakat juga disusun semula. Pada masa meleset ini kemiskinan akan bertambah dengan tiada pekerjaan, tanpa pekerjaan, rompakan, pencolek, serba jenayah akan bertambah. Mereka yang menganggur sama sahaja, baik di sisi Melayu atau rakyat keturunan Cina.

Penyusunan semula masyarakat berjalan juga dengan pesatnya iaitu orang Melayu digalakkan untuk ke bandar dan untuk berniaga walhal ramai di antara mereka itu adalah dari keluarga tani. Dalam penyusunan semula masyarakat mengikut Dasar Ekonomi Baru kurang sekali orang keturunan Cina digalakkan untuk berkecimpung dalam pertanian. Sebagai timbal balas kepada Melayu ke bandar berniaga, hanya di kawasan saya, di Cameron Highlands, ada rancangan untuk mendorong orang Cina bercucuk tanam dan jualannya dihantar ke luar negara sampai ke Singapura, ke Hong Kong, ke Jepun membawa masuk foreign exchange sambil membasmi pengangguran.

Bukanlah dorongan seperti ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru kalau diperluaskan di mana-mana di dalam negara kita. Tidak payah mereka dikurniakan tanah secara title yang tetap atau berseorangan, mereka sudah puas dengan T.O.L. yang terjamin. Dasar seperti itu akan membawa makna besar dan berkesan dari segi menyusun semula masyarakat

dan membasmi kemiskinan. Kalau tidak mereka yang menganggur akan frust. Dan boleh terpesong ke jalan yang jahat, the new people's army di Philippines itu bukan dorongan dari Soviet atau dorongan dari China tetapi dari frust sendiri.

Jalan yang disebut tadi dengan sekali gus kita kurangkan frust dan beban Kerajaan dan Dasar Ekonomi Baru boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Yang Berhormat Menteri membuat ucapan, saya tarfakur apabila mendengar bahawa belanja pengurusan kita meningkat begitu besar sekali sehingga 71%. Pembangunan dan perkembangan kita merosot tetapi perbelanjaan mengurus meningkat, ini tidak sepadan dan harus diperhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Kerajaan harus mempercepatkan dan meluaskan lagi usaha penswastaaan jabatan-jabatan Kerajaan. Ini boleh dilakukan dengan cara, dengan izin, commercialisation atau privatisation. Umpamanya, mengapa tidak dicommercialisekan Lumut. Lumut yang memakan belanja begitu besar tanpa membawa satu sen pun duit masuk. Selain daripada pengkalan angkatan laut yang mesti dikawal dan dirahsiakan, maka saya kira kawasan untuk lain seperti membaiki atau membuat kapal bolehlah dicommercialisekan. Kita boleh sementara menggunakan consultant, ini adalah meningkatkan lagi atau menggiatkan lagi selangkah sebelum complete privatisation seperti angkatan udara yang sekarang mengadakan Airodnya. Begitu juga hospital dan perkhidmatan rawatan kepada pesakit. Mengapa seorang hartawan masuk hospital Kerajaan, hospital yang dibantu dengan subsidi, mengapa orang kaya dimasukkan di situ? Mengapa orang kaya begitu, dia duduk di Ipoh, hari lumba kuda, hari Sabtu, hari Jumaat datang pergi ke

Hospital Besar, pergi X-ray. Mengapa kita izinkan perkara ini berlaku? Saya, Tuan Yang di-Pertua, dari negeri Pahang—Lipis di negeri Pahang—dan saya ambil contoh iaitu cadangan hendak membuat hospital baru di Kuantan. Cadangannya hendak membuat hospital dengan 1,000 katil di Kuantan. Saya taksirkan sekarang pada tiap-tiap katil harga pelaburan (investment cost) tidak kurang daripada \$120,000 dan belanja pengurusan pada satu katil hampir \$40,000 setahun.

Dengan penduduk seramai 170,000 orang di Kuantan, untuk memenuhi 1,000 katil maknanya termasuk yang kaya, miskin, tua, muda dan sudah tentu hospital daerah lain kosong, Lipis kosong, Temerloh kosong, hendak mengisikan seribu. Kalau hospital lain berisi ini bermakna puta Kuantan hampir kosong. Apakah kita berkehendakkan hospital sebanyak seribu katil yang akan menelan belanja pembinaan sebanyak \$123 juta? Jadi saya tidak hairanlah kalau orang Kuantan, orang Pahang menunggu-nunggu munculnya Hospital Kuantan. Dengan izin, saya sebutkan di sini apa yang diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Disember, 1984 di satu simposium. Ini dia bicara dalam bahasa Inggeris, jadi dengan izin, saya sebutkan di sini:

"The Building of Hospital must not only be fully justfid, but also it design, equipping and staffing should be such that constkruction cost are kept to the minimum compatible with good hospital practise. The design should be simple as well as a flexible to meet changing hospital practises. It should also land itself to easy maintenance".

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan saya yang bercakap, ini adalah seorang doktor iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Oleh

yang demikian, eloklah atau tidak kalau kita memikirkan semula soal hospital. Kita bertanggungjawab terhadap rakyat jelata dan kepentingan mereka mestilah sentiasa dikawal. Tetapi janganlah kita membawa-bawa sehingga mereka yang kaya raya pun, tidak patut dilayan pun menenggek sama, ini tidak adil, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya kita membuat dasar untuk mendorong penswastan hospital dengan cara pre-paid scheme atau fees for service scheme kepada yang mampu, sudah tentu beban kepada Kerajaan akan berkurangan. Saya harap perkara ini dapat pertimbangan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menghadap pula soal commodities atau barangan seperti getah, kelapa sawit atau bijih timah, ini adalah perkara yang sangat menyedihkan. Saya kira dasar yang memencilkan diri, hayal dengan fikiran bahawa kita adalah pengeluar utama yang paling efisien dan tidak dapat diatasi dan masa depan getah dan kelapa sawit buat kita sangat cemerlang dan kita boleh lawan siapa pun tentang harga dan kita jangan bantu atau ajak negara lain bertanam getah atau kelapa sawit kerana mercka akan mengancam kita, ini semua saya rasa, saya fikir, adalah pemikiran yang usang. Begitu juga dasar membeli kebun-kebun orang asing seperti kebun orang Inggeris, kebun orang Peranchis dengan tujuan kita mahu control semuanya, itupun saya kira adalah pemikiran yang sempit. Dengan cara membeli kebun kelapa sawit dan getah dari orang asing adalah memutuskan tanggungjawab ambil berat mereka terhadap untung nasib commodities itu dan itu bermakna yang modal mereka sudah dikembalikan dengan untungnya dan wang itu mereka boleh gunakan untuk membuka ladang di negeri lain pula. Apa yang dilakukan adalah berlawanan dengan dasar kita mengajak orang menanam modal ke

negara kita, kita pula pergi hantar modal kita keluar. Eloklah dipertimbangkan semula soal ini.

Sepatutnya kalau banyak duit kita buka kebun baru, jangan beli yang itu—buka kebun baru. Sambil itu tuannya kebun yang dibeli dari orang asing itu kita dorongan dia, galakkan dia, suruh jual sahamnya semula di pasaran dunia seperti di London supaya dapat kita bawa balik foreign exchange dan bermaknalah dasar kita penanaman modal asing di negara kita. Jadi, yang membeli sahata pun umpamanya dia orang Inggeris atau Perancis akan datang sebagai tourists untuk melihat kebun getah atau kelapa sawitnya, dia pegang saham sahaja, kebun itu di sini.

Sekiranya pihak swasta kita iaitu rakyat Malaysia mempunyai keupayaan untuk mengumpul modal dari seberang laut (off shore funds) ada baiknya kalau mereka dinasihatkan untuk membuka kebun kelapa sawit umpamanya di Indonesiannya, Papua New Guinea atau di Afrika supaya Malaysia boleh dapat beberapa faedah daripada perkara itu. Satu, umpamanya membantu negara sahabat. Sekiranya kalau kita tidak bantu mereka boleh juga menanam dengan sendiri atau dengan bantuan orang lain, baik kita sama-sama bantu, mengawal bersama soal pengeluaran untuk memelihara harga pasaran, kita dapat sama-sama kawal. Atau yang ketiganya menghubungkan tenaga dengan sahabat untuk menghadapi soal pasaran, lagi ramai kawan lagi baik, melebihi keupayaan tentang research development dari segi pengeluaran dan pengguna. Sekarang kita kurang sangat research dari segi penggunaannya dan memberi makna dengan cara praktik kepada dasar yang diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu membanyakkan South-south Co-operation.

Berkenaan dengan bijih timah ini, saya bersetuju sangat kita ambil alih segala lombong-lombong ini kerana ini adalah khazanah rakyat dan logam ini adalah irreplaceable asset—tidak dapat diganti. Tetapi janganlah kita melombong untuk jual logam sahaja, tidak cukup. Kita mesti tambah kegiatan kita iaitu kita di sini membuat kajian, janganlah buat kajian itu di England, kita tidak tahu apa dia buat di sana, buat kajian itu di sini iaitu mencari jatan seluas-luasnya supaya penggunaan logam itu tidak boleh diganti atau disaingi oleh lain. Sekarang orang boleh ganti logam, inilah sebab jatuh harga. Yang Berhormat Menteri juga menyentuh soal kos daripada segi perindustrian. Segala bantuan kepada swasta untuk menurunkan kos sangatlah dialu-alukan oleh pihak swasta tetapi sejauh manakah Kerajaan boleh membantunya. Saya kira apa pun dibuat, pada hemat sayalah, kesannya tidak lebih daripada 2% dari segi mengurangkan kos. Macam mana buatlah, lebih-lebihnya kita dapat 2% untuk mengurangkan kos. Yalah, ada orang kata 1%, 2% pun cukuplah, itu adalah membantu. Tetapi apa yang saya hendak katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita di Malaysia ini semuanya berniaga berlandaskan philosophy orang asing, saya tidak dapat hendak mengatakan dengan tepat, bukan philisophy yang berasal dari sini. Biar saya cuba terangkan sedikit apa maksud saya itu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Cuba kita sebut perkataan "dagang", apa makna dagang? Dia mempunyai dua makna; satu "niaga", satu lagi "mendatang". "Orang dagang" itu bermakna "orang berniaga" dan "orang dagang" itu juga bermakna "orang mendatang". Dari manakah asalnya kekeliruan ini? "Orang mendatang", orang berdagang" boleh keliru dari mana asal? Sebabnya berbangkit

pada satu waktu dahulu apabila orang Melayu sudah tak pandai berniaga, maka mereka yang berniaga di negara kita adalah berasal dari Negeri China, dari Negeri India, dari Negeri Arab, semua ini "orang mendatang". Jadi sekarang istilah "orang dagang" itu ialah "orang berniaga" dan peniaga itu adalah "orang mendatang". Apabila kita berniaga atau berdagang walaupun dia itu bumiputera, dia itu menggunakan filosofi "orang mendatang", orang yang jadi gurunya dahulu atau tempat tumpuan tiruan.

Apabila timbul soal menanam modal untuk perindustrian, mereka ini meletakkan soal kos sebagai soal pertama. Ini saya hendak balik cerita kos tadi. Orang dagang termasuk orang mendatang diajak menanam modal. *Foreigners, you are invited*, dengan izin, tanam modal di sini kerana labour cost kita murah, macam-macam, tanah murah, air murah satu waktu dahulu, sekarang air/elektrik sudah tak murah. Tetapi apabila kos naik, sebab dia datang dengan sebab kos, bila kos naik, orang mendatang ini pun cabut dan orang-orang kita pun sama cabut seperti orang dagang itu juga, jadi bogellah kita. Tetapi cuba Tuan Yang di-Pertua tanya kos ini bukan di sini sahaja yang dijadikan faktor, di Negeri Jepun kosnya lagi tinggi dari sini, di England tinggi, di Germany tinggi, di Amerika tinggi, tetapi semua orang itu tak lari. Dia mengatasi soal kos ini dengan cara lain, iaitu produktivitinya ditinggikan, taraf dan tahapnya dan sebagainya supaya dapat pemasaran, dia tidak mengira kos itu sebagai "prime factors", tetapi kita di sini tidak, kos, bila kos naik, kita lari. Itu orang dagang punya filosofi.

Saya berharap kita patut kaji ini dari segi filosofi kita dengan cara penyiasatan yang mendalam dan kita mesti mengadakan seminar-seminar supaya kita dapat sedar di atas perkara

ini dan dengan harapan kita boleh mengubah sikap. Saya nampak juga penyakit ini di Singapura pun begitu juga, tetapi tak hairanlah kerana boleh dikatakan semua peniaga di sana itu kalau tidak orang mendatang, mereka itu keturunan orang mendatang. jadi tak hairanlah saya. Filosofi dagangannya tetap mengutarakan kos sebagai faktor yang terpenting.

Saya khuatir, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu sendiri apabila terlibat dalam penyusunan semula masyarakat, iaitu menjadi orang peniaga tetap menjadi orang dagang yang bersifat orang mendatang, dengan izin dalam bahasa Inggerisnya yang kita mengharapkan satu masyarakat "structured society" akan menjadi "fructured society".

Saya berharap Kerajaan akan menambahkan peruntukan soal dadah untuk melawan dadah. Kita semua sudah menerima hakikat dadah ini adalah soal yang paling penting, iaitu soal keselamatan dan dadah ini hendaklah ditentang serentak, saya kira-kira tak kurang daripada 5 bidang.

Satu, di tempat asal keluaranya, baik dadah semulajadi macam poppies atau synthethic. Itu mesti dikontrol daripada tempat asalnya. Ini berkehendakkan kerjasama antarabangsa dan diusahakan di mana sahaja. Dunia hendaklah menerima bahawa kawalan pengeluaran hendaklah dijaga dengan rapi.

Keduanya, kawalan dalam negeri masing-masing dengan menggunakan undang-undang dan kuatkuasa yang bijaksana.

Ketiga, rancangan perawatan dan pemulihan yang baik dan berkesan.

Keempat, ini saya rasa yang paling penting sekali, pendidikan dan pengajaran yang tepat. Saya ingat ada

satu masa dahulu saya kata pengajaran apa yang dikatakan tepat? Iaitu pengajaran membencikan dadah seperti orang Melayu jijik kepada daging babi. Didikan ini kita mesti mulakan dari buaian lagi, segala nyanyian, nursery rhyme dari buaian lagi untuk membencikan dadah ini seperti orang Melayu benci daging babi. Maknanya apa maksud saya? Kalau tak ada pengguna, kalau semua benci, mana ada pasaran? Cubalah tengok katau ada orang menjual daging babi di kampung Melayu, hendak kena hambat? Ini maksud saya tadi, iaitu jijik kepada dadah.

Kelima, penyelidikan atau research yang mendalam dan sentiasa dibuat supaya semua perkara-perkara berkenaan dadah kita tahu.

Saya rasa semua ini hendaklah dijalankan dengan saingan dan bantuan daripada masyarakat antarabangsa. Perkara ini penting. Rakyat Malaysia ini adalah 50% penduduknya di bawah umur 21 tahun. Apa akan jadi kepada kita pada generasi yang akan datang kalau sekiranya sebahagian besar daripada Wakil Rakyat, termasuk Menteri, termasuk Tuan Yang di-Pertua juga semua penagih, apa akan jadi negeri kita ini? Ini yang saya gerun sekati apabila mengingatkan soal dadah ini.

Sebagai mengakhiri, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Beliau banyak kali mengajak kita berkorban. Laungan ini kita semua akan sambut dengan positifnya. Hanya saya mengingatkan pengorbanan itu hendaklah dibuat dengan fikiran yang waras dan sempurna. Sekiranya tidak, pengorbanan itu akan jadi sia-sia seperti "kamikaze" Jepun yang akhirnya mati katak.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

4.38 *ptg.*

Tuan Tan Kok Hooi (Padang Serai):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kerana ingin menyertai perbincangan serta memberi sokongan Belanjawan 1986 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Belanjawan 1986 dikemukakan dalam Dewan ini, nampaknya rakyat jelata sudah pun menduga Belanjawan ini tidak akan membawa kesusahan kepada sesiapa, ini mungkin kerana Kerajaan telah menolak permintaan kenaikan gaji oleh CUEPACS dan di samping itu Kerajaan juga tidak ingin menambahkan bebanan kepada rakyat jelata memandangkan kemelesetan ekonomi negara belum lagi pulih seperti sediakala. Keistimewaan Belanjawan 1986 ialah tidak menggantungkan semata-mata atas cukai untuk mengatasi masalah kerumitan kewangan, tetapi sebaliknya ia menggalakkan aktiviti perniagaan swasta untuk memerangi dan menentang kemelesetan ekonomi.

Seperti Belanjawan yang lepas, Belanjawan 1986 terus berjimat-cermat tentang Belanjawan Kerajaan dan ia juga menegaskan dua matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Pada keseluruhannya Belanjawan ini boleh diterima, cuma di sini saya ingin mengemukakan serba sedikit cadangan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah Belanjawan Kerajaan Persekutuan tahun 1986 sebanyak \$21,954 juta atau kira-kira 71% adalah untuk Belanja Mengurus, antaranya sebanyak \$7,696 juta adalah untuk emolumen.

Dalam sebuah negara sedang membangun seperti Malaysia yang mempunyai bilangan penduduk 14 juta itu, perbelanjaan ini amatlah

besar. Saya terperanjat ketika mendengar Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi tahu bahawa bagi tiap-tiap 17 orang penduduk Mataysia seorang daripadanya adalah pegawai Kerajaan. Memandangkan hal yang sedemikian, kelebihan kakitangan awam telah pun menambah bebanan terhadap ekonomi negara. Ini adalah satu pembaziran. Jadi, saya menyokong Kerajaan terus membekukan jawatan-jawatan kosong yang dianggap tidak penting.

Disebabkan bilangan kakitangan awam yang terlalu banyak ini Kerajaan telah menampung kelebihan \$350 juta untuk kenaikan gaji kakitangan awam Kumpulan C dan D pada tahun ini. Ini adalah alasan dan sebab-sebab Kerajaan menolak permintaan kenaikan gaji CUEPACS.

Saya rasa gembira kerana pemimpin CUEPACS telah pun membatalkan tindakan berpiket. Ini membuktikan mereka sudah memahami masalah Kerajaan. Kematangan pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya menunjukkan ketaatsetiaan, kejujuran dan bertanggungjawab terhadap negara. Di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas ke atas CUEPACS. Di samping itu saya juga menyeru Kerajaan apabila ekonomi negara pulih nanti patut memberi keutamaan untuk menimbangkan permintaan CUEPACS.

Tuan Yang di-Pertua, elau dan pencen Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri selalu menjadi soal perbincangan sepanjang masa ini. Kakitangan awam Kerajaan memberi perkhidmatan kepada negara. Ahli politik juga memberi perkhidmatan yang sama. Jadi, kedua-dua jenis perkhidmatan patut diberi layanan yang sama. Maka pencen Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dikenakan cukai adalah sangat berpatutan, cuma saya rasa tindakan

ini diadakan lambat sedikit. Jika hendak menunjukkan benar-benar adil kepada semua lapisan, tidak kira sesiapa pun, seorang warganegara hanya boleh menerima satu pencen sahaja. Diharap Belanjawan akan datang dapat menimbangkan cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini Kerajaan telah berusaha akan memajukan perusahaan pelancongan tetapi nampaknya kurang berhasil. Belanjawan 1986 juga menggalakkan perusahaan ini termasuk memberi potongan kepada syarikat pelancongan dan mengurangkan 5% cukai perkhidmatan.

Selain daripada ini Kerajaan patut juga membangunkan kawasan yang mempunyai potensi pelancongan. Penarikan kepada pelancong bukan hanya bergantung ke atas alam semula jadi dan keindahan pantai-pantainya sahaja. Kawasan pelancongan yang bersejarah walaupun ia mungkin dimiliki oleh swasta tetapi demi memajukan perusahaan pelancongan, Kerajaan patut menolong mereka dalam hal ini seperti Kek Lok Si di Pulau Pinang, Batu Caves di Kuala Lumpur, Guar Perak di Perak dan tempat-tempat lain yang boleh dijadikan tumpuan ramai.

Saya berasal dari Kedah. Apabila menyebut tentang perusahaan pelancongan tentu tidak akan saya lupai Pulau Langkawi. Seperti yang saya sebut tadi, perusahaan pelancongan sekarang bukan hanya bergantung kepada keindahan alam semula jadi. Sekiranya Kerajaan berhasrat memajukan Pulau Langkawi dan ingin melihatkannya dibangun dengan lebih pesat, salah satu tindakan ialah menjadikan pulau itu sebagai pelabuhan bebas. Dengan ini dapat menarik lebih banyak pelancong datang membeli belah. Di samping itu, pulau itu juga diizinkan mengadakan lebih banyak tempat-tempat untuk

hiburan. Saya yakin dengan ini ia akan menjadi satu kawasan pelancongan yang terkemuka di rantau ini.

Dalam Belanjawan 1986 dicadangkan peruntukan \$300 juta bagi membina 41,000 unit rumah kos rendah. Ini menunjukkan hakikat Kerajaan untuk menolong rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Saya berpendapat rancangan perumahan ini hendaklah diperbanyakkan di luar bandar dan di sekitar Kampung-kampung Baru.

Negara kita mempunyai 450 buah Kampung Baru yang diwujudkan ketika zaman darurat dan penduduknya tidak kurang dari 1.5 juta atau 10% daripada penduduk negara kita. Kampung-kampung Baru ini telah diabaikan sekian lama. Bulan lalu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengadakan satu dialog dengan wakil-wakil dan ketua-ketua Kampung Baru seluruh negara di INTAN, Kuala Lumpur dengan tujuan ingin melihat dan mendengar tentang kerumitan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dalam Kampung Baru.

Dari masa darurat hingga sekarang bilangan setiap keluarga dalam Kampung Baru telah bertambah. Ada pula cucu, anak mereka telah berumahtangga, maka soal perumahan menjadi satu masalah utama mereka. Jadi, rancangan rumah kos rendah mesti diberi keutamaan dan dilaksanakan di Kampung Baru atau tempat yang berhampiran untuk menyelesaikan masalah perumahan mereka.

Sebenarnya Kampung Baru masih menghadapi berbagai masalah seperti bekalan air, elektrik, jalan dan longkang, kebersihan dan kesihatan dan juga masalah tanah untuk mencucuk tanam. Setiap tahun Kerajaan hanya memperuntukkan \$2 atau \$3 juta untuk pembangunan 450 buah Kampung Baru. Memandangkan

peruntukan yang begitu sedikit sampai bila baru dapat menyelesaikan kebanyakan masalah yang dihadapi itu. Kini masalah Kampung Baru telah menjadi masalah negara. Kerajaan selain dari memperuntukkan perbelanjaan untuk memajukannya, juga patut mempunyai rancangan keseluruhan untuk menyelesaikan masalah-masalah serta membangunkan Kampung-kampung Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 juga memperuntukkan \$1,257 juta bagi kegunaan pendidikan. Sebahagiannya \$174 juta untuk membina 4,200 bilik darjah untuk sekolah rendah. Di kawasan bandar bilik darjah tidak mencukupi kerana bilangan pelajar yang bertambah dengan pesat.

Di kawasan luar bandar pula misalnya di pekan kecil Kampung-kampung Baru dan estet pula menghadapi masalah bangunan atau bilik darjah yang sudah buruk, yang tidak sesuai untuk kegunaan pengajaran. Kerajaan harus menitikberatkan usaha atau memperbaiki kedudukan tersebut. Saya tidak ingin melihat atau mendengar Kerajaan dituduh dengan perkataan tidak adil.

Menyentuh soal pendidikan, saya suka meninjau ke atas rancangan sekolah integrasi. Kementerian Pelajaran akan menjalankan 18 buah projek seperti ini tahun hadapan sebagai percubaan. Pihak berkenaan berpendapat, rancangan sekolah integrasi akan menghapuskan polarisasi kaum, memupuk semangat muhibah dan menyatupadukan jenerasi baru, tetapi memandangkan yang semua sekolah menengah sudah merupakan integrasi berbilang kaum. Murid sudah belajar, bermain bersama-sama di sekolah menengah yang sama, tetapi soal polarisasi kaum makin menjadi-jadi. Mengapa ini berlaku. Kerajaan khususnya

Kementerian Pelajaran harus mencari sebab-sebabnya, kemudian mengubatinya.

Mengikut pendapat umum, soal polarisasi kaum dan perpaduan antara satu sama lain adalah bergantung semata-masa atas keadilan pelaksanaan polisi Kerajaan. Kini penuntut-penuntut berbilang kaum telah menerima pelajaran yang sama iaitu bahasa pengantar yang sama, peperiksaan yang sama tetapi ramai yang bersungut mereka tidak dapat layanan yang sama. Saya berpendapat bahawa masa sudah sampai bagi semua pelajar yang berlatih di bawah sistem pelajaran yang sama itu mereka harus diberi peluang persaingan yang adil iaitu kemasukan ke institusi pengajian tinggi hendaklah mengikut keputusan peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sekolah menengah yang bercorak integrasi sudah diadakan begitu lama pun sudah tidak susah hendak mengurangkan jurang polarisasi kaum. Maka ada perlunya Kementerian Pelajaran mengkaji semula sebelum rancangan sekolah integrasi di sekolah rendah dilaksanakan pada tahu hadapan. Dengan inilah saya bercadang supaya rancangan sekolah integrasi di sekolah rendah itu ditunda buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya rasa gembira ialah semasa negara kita sedang menghadapi kemeseletan ekonomi, dan ketiga Kerajaan mengambill tindakan mengurangkan perbelanjaan. Belanjawan tahun 1986 tidak lupakan rakyat jetata terutamanya penduduk-penduduk yang tinggal di luar bandar. Dalam Belanjawan tahun hadapan Kerajaan bercadang memperuntukkan \$431 juta untuk membina jalan di kawasan luar bandar. \$225 juta untuk bekalan elektrik, dan \$171 juta untuk bekalan air. Dari sini dapatlah kita lihat

Kerajaan Barisan Nasional mengambil berat terhadap kehidupan rakyat dan bersedia meninggikan taraf kehidupan mereka. Apabila rancangan tersebut dijalankan pada tahun hadapan, saya harap Kerajaan Pusat dapat memberi keutamaan dan peruntukan yang lebih banyak kepada negeri miskin seperti negeri Kedah dan Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Penyelarasan Perindustrian pernah menjadi satu isu kontroversial kerana bidang perusahaan dan perniagaan menganggap Akta ini telah menghalang pelaburan di negara kita. Saya mengalu-alukan ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan kata Kerajaan akan meminda akta ini. Ini tetap memberi perangsang kepada pelabur-pelabur dan saya yakin selepas pindaan Akta ini akan tetap menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari Belanjawan 1986, peruntukan \$1,668 juta sebagai kegunaan pertanian. Di samping itu menggalakkan tambahan penghasilan pertanian nyata sekali hakikat Kerajaan terhadap pembasmian kemiskinan.

Kesimpulannya Belanjawan 1986 ialah satu Belanjawan yang benar-benar menjaga kepentingan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Selain dari mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Belanjawan 1986.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kapit.

4.46 ptg.

Datuk Leonard Linggi anak Jugah (Kapit): Tuan Yang di-Pertua, tahun 1985 adalah tahun yang penuh cabaran bagi rakyat Malaysia. Kemelesetan ekonomi yang berterusan telah

melemahkan ekonomi negara-negara yang pesat membangun di rantau ini termasuk negara kita. Ekonomi Malaysia terjejas dengan teruknya oleh kejatuhan harga barangan-barangan utama.

Misalnya dalam tahun 1984, minyak kelapa sawit hanya mencatat harga \$1,407 bagi satu tan, sedangkan pada awal bulan Oktober 1985 harganya cuma \$704 sahaja. Harga purata pasaran getah jenis RSS bagi tahun 1984 \$2.24 sekilo dan pada bulan Oktober tahun ini harganya ialah \$1.84. Pemasaran kayu balak dari Sarawak juga terjejas dengan begitu teruk sekati akibat kemelesetan. Pada bulan Oktober tahun 1984 harga kayu balak ialah US\$80 dalam satu meter cubic dan sekarang harganya cuma US\$58. Harga bijih timah adalah agak stabil bagi 12 bulan terakhir ini tetapi sama ada ianya akan terus kekal di taraf sedemikian masih belum dapat dipastikan lagi.

Keadaan ekonomi yang lemah, Tuan Yang di-Pertua, akan mendatangkan masalah yang serius kepada mereka yang telah diberi mandat untuk mentadbirkan Kerajaan. Rancangan-rancangan pembangunan akan turut sama terjejas. Kadar pelaksanaan pembangunan mungkin terpaksa dikurangkan disebabkan oleh pendapatan yang menurun. Dalam hal yang lain, zaman kemelesetan akan mewujudkan peluang-peluang bagi mengatur strategi-strategi ekonomi dengan menggunakan approach, dengan izin, yang baru. Inilah masanya di mana kepakaran pengurusan serta pandangan jauh pemimpin-pemimpin kita akan betul-betul diuji. Keupayaan untuk berkurangan pendapatan yang berkurangan mungkin menjadi sifat semula jadi ekonomi Malaysia bagi tempoh jangka masa panjang.

Kerajaan mestitah telah biasa kepada perancangan dengan hasil negara yang terhad untuk pembangunan di masa hadapan. Perancangan yang cekap dan kos efektif, dengan izin, adalah sangat mustahak dalam hal ini. Sebarang projek mewah mestilah dihindari.

Tambahan pula Kerajaan terpaksa mencari jalan dan ikhtiar untuk mengurangkan perbelanjaan. Memang telah menjadi kenyataan bahawa Perbelanjaan Mengurus di Malaysia adalah terlalu tinggi dan kadar kenaikannya terus melambung setiap tahun.

Misalnya. \$18.4 bilion Belanja Mengurus dalam tahun 1983, \$20.4 bilion dalam tahun 1984, \$21.5 bilion dalam tahun 1985 dan \$21.9 bilion atau hampir \$22 bilion dalam Belanjawan untuk tahun hadapan.

Sebaliknya pula, Tuan Yang di-Pertua, wang yang diperuntukkan untuk pembangunan menjadi semakin berkurangan nilainya iaitu \$9.4 bilion dalam tahun 1983, \$8.9 bilion dalam tahun 1984, \$6.6 bilion dalam tahun 1985 dan \$8.6 bilion dalam tahun akan datang (1986).

Angka-angka ini dengan jelasnya membuktikan bahawa belanja serta tanggungan Kerajaan adalah terlalu tinggi.

Saiz organisasi birokrasi masih terlalu besar untuk taraf kedudukan ekonomi kita. Malaysia yang didiami oleh seramai 15.3 juta penduduk mempunyai 888,638 kakitangan awam dengan jumlah gaji yang dibayar sebanyak \$7.5 bilion iaitu 10.4% daripada GNP atau Keluaran Negara Kasar (KNK). Dengan lain perkataan, dari tiap-tiap 17 orang rakyat Malaysia, satu daripada mereka

adalah kakitangan awam. Angka-angka untuk negara-negara lain seperti berikut:

Indonesia: 1 kakitangan awam bagi setiap 19 orang.

Thailand: 1 dari 33 orang.

Singapura: 1 dari 37 orang.

Jepun: 1 dari 25 orang.

Britain: 1 dari 84 orang.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi adalah peluang untuk kita mengkaji semula keseluruhan struktur ekonomi negara ini dan di sini saya ingin menggesa Kerajaan mengambil langkah serta merta untuk membuat kajian kemungkinan yang perinci terhadap keseluruhan jentera perkhidmatan awam dengan tujuan mengelakkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan atau increased efficiency, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang mengembirakan kita untuk mengetahui tentang hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula seluruh sistem pencen dengan tujuan memberi ekonomi lebih viable lagi. Jumlah wang yang banyak diperlukan bagi pembayaran pencen. Misalnya dalam tahun 1979 \$280 juta diperlukan, \$477 juta diperlukan dalam tahun 1980 dan \$753 juta diperlukan dalam tahun 1984.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan skim EPF, SOCSO dan skim pencen sendiri bagi mencari jalan untuk merumuskan satu sistem retirement benefit, dengan izin, untuk diadakan di seluruh Malaysia yang boleh mengelakkan pembaziran dan penduaan atau duplication.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah beberapa ketika mengeluarkan kenyataan yang di antara lain mengesahkan bahawa Dasar Ekonomi Baru yang ada sekarang ini tidak akan

dilanjutkan tempohnya selepas tahun 1990. Bukanlah hasrat saya untuk menyokong atau membangkang polisi tersebut. Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah untuk menggesa Kerajaan supaya meneruskan dan memperhebatkan lagi dasar pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat terutama sekali di negeri Sarawak di mana rakyat desa yang kebanyakannya bumiputera daripada keturunan Dayak dan orang Hulu yang mana sebilangan besar daripada mereka masih hidup di bawah paras kemiskinan.

Penduduk-penduduk kawasan luar bandar Sarawak adalah berselerak di merata-rata tempat yang terlalu kecil untuk dimajukan menjadi sebuah perkampungan pembangunan. Kerajaan Negeri telah pun membuat satu dasar untuk menempatkan para penduduk luar bandar Sarawak ke sebuah tempat yang lebih besar lagi menguntungkan. Disebabkan oleh kekurangan wang dan kepakaran tenaga kerja, adatah sukar bagi Kerajaan Negeri untuk mengendalikan projek itu secara sendirian. Ingin saya merayu kepada Kerajaan sekali lagi supaya turut membantu agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA yang boleh memainkan peranan penting untuk memajukan kawasan luar bandar Sarawak dalam proses pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh di sini berkenaan dengan projek hidro di Bakun. Projek hidro Bakun telah menimbulkan kontroversi di Sarawak pada ketika ini. Rakyat dari segenap lapisan hidup termasuk ahli-ahli politik, pegawai awam, environmentalists dan ketua masyarakat telah memberikan pendapat masing-masing. Pendapat rakyat adalah penting. Tetapi Kerajaan yang mendapat mandat dari rakyat harus dan patut berani

membuat keputusan yang perlu. Faktor yang paling penting di dalam menentukan keputusan Kerajaan adalah sama ada projek hidro Bakun itu memberi faedah kepada negara amnya dan negeri Sarawak khususnya. Faedah dari projek hidro Bakun ini kepada Malaysia tentu sekali bergantung kepada viabiliti projek tersebut serta bergantung kepada kemampuan Malaysia untuk memperoleh wang yang diperlukan.

Setelah kejayaan diketahui dan kemampuan kita untuk memperoleh wang adalah kukuh, Kerajaan harus memutuskan dengan secepat mungkin melaksanakan projek tersebut dan sekiranya perlu perlaksanaan boleh dibuat secara berperingkat-peringkat sejajar dengan kedudukan ekonomi negara kita. Projek Hidro Bakun selain daripada membekalkan sumber tenaga elektrik yang tetap ke seluruh negara juga memberi faedah bagi pembangunan di kawasan Rajang Ulu yang akan merupakan sebahagian daripada "hinterland" kepada Bintulu sekarang ini. Bakun jika dirancangkan dengan teratur juga menandakan kejayaan Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat luar bandar ke arah membasmikan kemiskinan.

Pada masa sekarang para penduduk di Belaga, Tubau, Pelagus, Katibas, dan banyak lagi kawasan lain di Sarawak tidak ataupun belum diberi peluang untuk menikmati projek pembangunan utama dengan alasan mereka tinggal terlalu jauh berselerak dan mungkin terlalu miskin juga. Mereka hidup dengan cara menanam padi, mengamalkan pertanian pindah atau shifting cultivation. Pertanian berpindah randah telah dikritik oleh setiap orang termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebagai cara yang membazir, tetapi para penduduk luar bandar di Sarawak terutamanya masyarakat Dayak dan orang Hulu tidak mempunyai cara

yang lagi bagi menyara kehidupan mereka kecuali Kerajaan bersedia membuka tanah untuk digunakan seperti yang dilaksanakan oleh FELDA dan FELCRA untuk orang-orang Melayu di Semenanjung.

Masyarakat Dayak, orang Ulu sangat berharap menunggu dan inginkan pembangunan seumpama itu. Kerajaan Persekutuan sekarang terikat dari segi moral dan politik untuk membantu secara positif masyarakat bumiputera yang bukan beragama Islam di Sarawak. Demi meninggikan taraf hidup mereka dengan menyediakan faedah hasil dari pembangunan ekonomi yang tersusun.

Tuan Yang di-Pertua, Bakun ialah jawapannya. Aliran wang tunai untuk Bakun hendaklah juga merangkumi peruntukan bagi membangunkan keseluruhan kawasan Ulu Rajang dan Tubau, bukannya untuk menempatkan 400 orang dari 20 buah rumah panjang yang terlibat oleh empangan, tetapi semua penduduk di kawasan-kawasan yang susah dalam Bahagian Ketujuh. Kawasan tanah yang sesuai antara Kapit/Belaga di sebelah selatan dan Tubau/Bintulu di utara adalah mencukupi untuk menempatkan mereka yang perlu ditempatkan semula demi menikmati taraf ekonomi yang lebih baik.

Pada hakikatnya Allahyarham Tun Abdul Razak pada awal tahun 70an telah mencadangkan supaya pusat pembangunan ekonomi ditubuhkan bagi kawasan tengah Sarawak meliputi kawasan Kapit, Belaga dan Bintulu untuk membangunkan kawasan tengah Sarawak. Nampaknya sudah sampai masanya untuk memulihkan semula cadangan Allahyarham Tun itu, terutamanya berhubung dengan projek Bakun di samping menyokong pembinaan infrastruktur ekonomi yang ada sekarang yang telah pun dilaksanakan di Bintulu.

Tuan Yang di-Pertua, perhubungan jalanraya adalah sangat penting kepada mana-mana perancangan ekonomi, pembinaan dan menambah baik jalanraya hendaklah diberi keutamaan.

Ambil Sarawak sebagai contoh. Tanpa jalanraya adalah sukar untuk membuka tanah bagi tujuan pembangunan. Sistem perhubungan di Sarawak terlalu banyak bergantung kepada sungai tetapi trend pembangunan yang jauh dari lembah sungai. Dengan demikian lebih banyak jalanraya diperlukan.

Satu-satunya lebuhraya yang ada di Sarawak ialah Lebuhraya yang menghubungkan Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri. 80% dari jalanraya yang disebut sebagai Lebuhraya itu masih belum diturap. Sebahagian darinya tidak dapat digunakan pada musim hujan. Langkah-langkah perlu hendaklah diambil untuk menambah baik lagi jalanraya ini. Keutamaan hendaklah diberikan untuk menurap jalan Kuching/Miri ini. Saya berpendapat untuk menambah baik keadaan jalanraya ini adalah lebih penting daripada membina bangunan baru terminal lapangan terbang.

Kerajaan hendaklah memberi perhatian serius semasa kemelesetan ekonomi untuk menyalurkan wang bagi menurapkan satu-satunya lebuhraya di Sarawak. Lebuhraya-lebuhraya yang bertambah baik bukan hanya memberi faedah kepada lebih ramai rakyat tetapi akan menyediakan sistem pengangkutan yang lebih murah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit berkenaan dengan perumahan. Mereka yang ingin membeli rumah-rumah sudah tentu berpuas hati dengan Belanjawan tahun ini. Arahan-arahan tertentu telah diberi kepada Bank Negara supaya memperuntukkan lebih banyak

wang untuk pinjaman perumahan. Walau bagaimanapun, faedah ke atas pinjaman pada masa sekarang terlalu tinggi. Kerajaan patutlah menimbang memberi potongan cukai pendapatan ke atas faedah gadaian atau first mortgage bagi satu pinjaman perumahan bagi satu keluarga. Sekiranya Kerajaan bersedia memberi pengecualian cukai sebanyak \$15,000 ke atas elaun kereta bagi sebuah Syarikat Berhad, Kerajaan hendaklah juga bersedia membantu seseorang itu membeli sebuah rumah dengan memberinya elaun cukai ke atas faedah yang dibayar bagi pinjaman perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan kemelesetan pada hari ini telah membantutkan aktiviti ekonomi di negeri Sarawak yang bergantung, terutamanya ke atas balak dan industri pembalakan pada masa ini sedang menghadapi tempoh yang buruk dalam sejarahnya. Harga pasaran pada masa ini telah jatuh terlalu rendah dari kos pengeluaran.

Bagi meminimalkan kerugian operasi pengeluaran terpaksa dikurangkan dan pekerja-pekerja dibuang kerja menyebabkan penderitaan dan kesusahan. Apa yang menjadi keadaan lebih buruk lagi ialah institusi-institusi kewangan menggesa supaya membuat pembayaran kepada pinjaman-pinjaman yang masih belum dijetaskan atas alasan bahawa mereka terpaksa berbuat demikian kerana mematuhi arahan Bank Negara yang mengkehendaki membawa pembayaran balik pinjaman tidak boleh lewat daripada enam instalment. Mereka yang tidak dapat menunaikan syarat ini terpaksa kehilangan alat-alat mereka dengan cara mengambil balik; ataupun repossession. Sekiranya keadaan pasaran tidak pulih dalam tempoh 12 bulan yang akan datang, nampaknya banyak syarikat-syarikat

membalak terpaksa ditutup. Dan di dalam hal begini industri batak kita mungkin musnah seterusnya.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya menimbang melonggarkan enam instalment rule ini bagi hanya kepada pinjaman peralatan ataupun equipment loan sahaja untuk membolehkan industri kayu terselamat dalam kemelesetan pembalakan pada masa ini.

Salah satu sebab, Tuan Yang di-Pertua, keruntuhan harga balak ialah pembekalan terlalu melebihi seperti plywood ataupun papan lapis ke dalam pasaran dunia oleh jiran penanding kita. Saya percaya penanding yang sama juga yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran berlebihan minyak kelapa sawit yang menyebabkan kejatuhan harga dengan drastiknya.

Saya ingin menggesa Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama supaya mengemukakan perkara ini sama ada terus menerus dengan negara yang berkenaan ataupun di forum kawasan seperti ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini adalah praktik, adil dan sebenarnya mencerminkan keadaan ekonomi pada masa ini dan saya ingin menyokong Belanjawan tahun 1986 ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandau.

5.21 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyertai perbincangan ke atas belanjawan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat lalu.

Memandangkan kemelesetan ekonomi sekarang, dan khususnya hutang negara Malaysia yang besar, matlamat strategi Kerajaan untuk memperbaiki imbalan pembayaran negara serta galakan kuat yang diberikan kepada sektor swasta, amatlah wajar dan dialu-alukan. Dalam hal ini sukacita saya membuat beberapa komen mengenai beberapa dasar yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mencapai matlamat tersebut.

Saya suka menyampaikan penghargaan saya kepada Kerajaan, kerana tidak lupa memberi keutamaan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru. Bagaimanapun dari jumlah 431 juta ringgit yang dipenitukkan untuk pembinaan jalan dan jambatan di kawasan luar bandar, hanya lebih kurang 31 juta ringgit adalah untuk negeri Sabah. Amaun yang diuntukkan bagi negeri Sabah nampaknya kecil bila kita mengambilkira hakikat bahawa kedapatan jalan-jalanraya di Sabah serta mutunya adalah lebih kurang dari apa yang terdapat di Malaysia Barat. Peruntukan untuk jalanraya di Sabah adalah kebanyakannya untuk memperbaiki jalan-jalan bertar yang sedia ada, dan setengah daripadanya diperbaiki mutunya berkali-kali seperti jalan Kota Kinabalu ke Tamparoli, jalan-jalan tanah merah, dengan izin, dirt roads yang merupakan jalan Lebuh raya seperti Jalan Lankon Tandik dan Jalan Tandik Pitas yang amat perlu ditarkan tidak dibuat demikian sehingga hari ini, malahan ketinggalan. Rakyat yang tinggal di kawasan Kota Marudu dan Pitas adalah dianggap sebagai kumpulan kemiskinan yang paling teruk di seluruh Malaysia. Namun jalanraya tunggal yang menghubungkan Lankon ke Tandik dan Pitas telah tidak diberi pertimbangan. Ini nampaknya bercanggah dengan matlamat untuk mengurangkan kemiskinan dan

meninggikan taraf hidup rakyat yang paling miskin dalam kawasan yang paling mundur di Malaysia.

Saya merayu kepada Kerajaan untuk memberi lebih pertimbangan kepada pembinaan jalan-jalanraya di Sabah, khususnya memberi peruntukan khas untuk membina dan memperbaiki Jalan Lankon Tandik termasuk Jalan Pitas. Ini akan menolong memperbaiki taraf hidup kumpulan termiskin di Malaysia.

Sekali lagi Kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang besar untuk pertanian. Adalah jelas juga bahawa terdapat lebih banyak lagi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan lanjutan pertanian, serta berbagai program Kerajaan yang boleh dinikmati oleh para petani di Semenanjung Malaysia daripada di Sabah dan Sarawak. Contohnya, kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti subsidi baja padi, pemuliharaan sawah terbiar, projek-projek pembangunan pertanian bersepadu, kemudahan-kemudahan pengeluaran dan keselamatan tanaman dan lain-lain lagi boleh didapati di Semenanjung, tetapi tidak di Sabah dan Sarawak. Rancangan-rancangan taliair di Malaysia Barat adalah lebih meluas daripada di Malaysia Timur.

Saya suka meminta Kerajaan Persekutuan supaya memanjangkan bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan pertanian yang sama ke Sabah dan Sarawak khususnya, oleh kerana pembangunan pertanian di Sabah dan Sarawak adalah lebih mundur jika dibandingkan dengan Malaysia Barat.

Dalam konteks pembangunan pertanian di peringkat kampung, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk membetulkan masalah kelambatan yang nyata atau tidak ada kemajuan dalam pengeluaran padi di Sabah. Perkembangan pengeluaran

padi tempatan di Sabah dalam beberapa tahun kebelakangan ini adalah negatif.

Saya juga hendak menarik perhatian Kerajaan kepada satu ancaman yang baru, yang amat serius kepada kehidupan petani-petani padi di Sabah ialah sejenis serangga yang dikenali di sana sebagai kutu beruang yang sedang memusnahkan sawah padi petani. Setahu saya pihak berkuasa tempatan tidak tahu cara yang berkesan untuk menghapuskan ancaman serangga ini. Oleh kerana masalah kutu beruang ini sedang merebak dengan cepat di seluruh Sabah, ada kemungkinan pengeluaran padi di Sabah akan berkurangan dan banyaknya dalam masa hadapan yang singkat. Ini bermakna lebih banyak beras yang terpaksa diimport, dengan itu menambahkan tekanan ke atas negara yang sudah menghadapi masalah imbalan pembayaran. Dalam perkara ini saya merayu kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan segera untuk mengkaji masalah ini, dan mencari cara-cara yang berkesan untuk menghapuskan masalah yang disebabkan oleh serangga perosak kutu beruang itu. Dalam hal ini kita tidak kekurangan wang dan usaha untuk menjalankan penyelidikan bagi memerangi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendak memberi insentif kepada sektor pertanian untuk meningkatkan pengeluaran insentif eksport dan lain-lain bentuk insentif seperti sonar, echo sounder, radar dan lain-lain, mungkin lebih berguna kepada pengeluaran-pengeluaran pertanian yang besar dan yang sudah establish, tetapi ia mempunyai import yang kecil kepada petani-petani kecil di kampung. Bentuk insentif yang paling baik pada hemat saya yang boleh Kerajaan berikan kepada petani-petani luar bandar, ialah memberi satu pasaran yang terjamin untuk barang-barang kluaran mereka.

Kekurangan pasaran yang tetap merupakan masalah asas yang menghalang kemajuan petani. Masanya sudah tiba bagi Kerajaan membuat kajian mendalam dan merumuskan satu sistem pemasaran yang comprehensive, yang dapat menjamin satu pasaran yang stabil untuk keluaran para petani, sekurangnya keluaran petani-petani kecil di kampung.

Di bawah sistem pemasaran yang dianjurkan oleh Kerajaan, keluaran-keluaran pertanian yang tidak mempunyai jaminan pasaran tidak harusnya digalakkan.

Saya berharap khususnya Kerajaan akan dapat memula dan memajukan satu sistem pemasaran comprehensive di Sabah untuk petani-petani di Sabah yang akan mencantum dan mengintegratekan mereka dengan struktur-struktur pemasaran di Malaysia Barat. Memang terdapat sesuatu bentuk sistem pemasaran di Sabah, tetapi ianya tidak pernah bersifat cukup comprehensive atau consistent. Sistem itu terkenal dengan pertalian yang terputus-putus, penyibaran maklumat yang tidak ketara dan pengurusan serta penyelarasan yang tidak cekap oleh mereka yang bertanggungjawab memajukan pasaran, khususnya di peringkat bawah,

Di Sabah, selain daripada tanaman seperti koko, kelapa sawit dan getah, lain-lain hasil tanaman seperti jagung, kacang tanah, cili dan sebagainya tidak mempunyai pasaran yang stabil atau tidak ada pasaran langsung.

Satu lagi contoh ialah Kerajaan, melalui Jabatan Pertanian, telah menggalakkan para petani membina kolam ikan dan memelihara ikan, pada hal ini sebenarnya tidak terdapat pasaran yang sedia wujud untuk pengeluaran ikan.

Saya harap Kerajaan akan membetulkan masalah sistem pemasaran yang buruk dan tidak cekap sebagai satu bentuk insentif yang utama untuk menggalakkan pengeluaran pertanian yang lebih besar di kawasan luar bandar khususnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa kecewa, dan penduduk-penduduk di kawasan saya juga akan rasa demikian dengan peruntukan bagi kesihatan di Sabah pada tahun hadapan, iaitu hanya 8.9 juta ringgit sahaja berbanding dengan 143.1 juta ringgit bagi Malaysia Barat. Akibatnya ialah beberapa buah hospital daerah yang amat diperlukan dan yang dijangka dibina beberapa tahun dahulu masih tidak dapat dibina.

Saya telah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam Dewan ini dahulu bahawa khususnya hospital untuk daerah Kota Marudu yang amat diperlukan oleh penduduk-penduduk di kedua-dua daerah, iaitu Kota Marudu dan Pitas. Kedua-dua daerah ini yang merupakan kawasan yang termiskin di Malaysia mempunyai kadar tertinggi kejadian-kejadian yang memerlukan rawatan perubatan. Adalah dilaporkan bahawa kebanyakan daripada kira-kira 18,000 kejadian wabak malaria di Sabah tahun lalu berlaku dalam daerah Kota Marudu dan Pitas; juga dilaporkan bahawa jumlah kejadian wabak malaria di Sabah adalah lebih banyak dari kejadian wabak malaria bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Adalah amat menghairankan bahawa Kerajaan menguntukkan jumlah peruntukan yang amat kecil bagi kesihatan di Sabah tahun hadapan. Saya sebutkan khususnya bahawa walaupun rayuan-rayuan telah berkali-kali dibuat, Kerajaan hanya memberikan satu peruntukan tanda

sebanyak \$10 untuk hospital daerah yang ditunggu-tunggukan bagi Kota Marudu, tahun hadapan. Saya harap Kerajaan akan menimbang semua rayuan-rayuan kami supaya sebuah hospital dibina bagi daerah Kota Marudu pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk keselamatan dan pertahanan sememangnya penting, tetapi saya harap Kerajaan akan menimbang untuk memberi lebih keutamaan kepada keselamatan dalam negeri daripada pertahanan. Ini ialah kerana negara kita ini sedang menikmati keamanan dan kestabilan. Keperluan untuk membina lebih banyak Balai Polis dan rumah kediaman anggota adalah amat diperlukan di Sabah. Masalah kadar jenayah yang kian meningkat dan serangan oleh lanun boleh dibenteras oleh Pasukan Polis tempatan jika mereka mempunyai anggota dan alat kelengkapan yang mencukupi. Kadang-kadang masalah kekurangan kakitangan dan kekurangan tempat kediaman anggota telah menyumbang kepada moral yang rendah di kalangan anggota Pasukan Polis di Sabah.

Contohnya, anggota polis tempatan di Balai Polis Kota Marudu tidak mempunyai tempat kediaman yang sesuai serta mencukupi untuk beberapa tahun hingga sekarang. Sungguh pun Kota Marudu dan Pitas adalah daerah yang agak besar, anggota polis yang bertugas tidak ramai dan kami tidak juga mempunyai seorang OCPD, dengan izin, untuk mengawal Balai Polis yang hanya mempunyai satu bilik pejabat yang dikongsi bersama oleh beberapa orang anggota polis. Saya harap Kerajaan akan mengkaji masalah ini dan mengambil tindakan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh anggota polis daerah Kota Marudu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang menggalakkan pengeluaran yang lebih besar dalam negeri dengan memberi pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat. Bagaimanapun, tidak banyak disebut tentang insentif-insentif untuk pekerja-pekerja individu. Saya rasa bahawa untuk menyokong strategi Kerajaan untuk kegiatan-kegiatan meningkatkan pengeluaran, patut juga diberi insentif-insentif untuk pekerja individu sebagai cara meningkatkan keupayaan pengeluarannya serta kecekapan pada keseluruhannya. Sering kita mendengar bahawa pekerja-pekerja kita kurang berdedikasi yang penuh kepada kerjanya dan kecekapannya juga adalah rendah. Mungkin dedikasi pekerja terhadap kerjanya merupakan unsur penting terhadap kejayaan dasar Kerajaan. Saya mencadangkan supaya perlunya Kerajaan mengkaji secara mendalam mengadakan cara ini untuk meninjau sama ada sesuatu sistem insentif boleh dirumuskan untuk memperbaiki daya pengeluaran dan kecekapan keseluruhan para pekerja.

Satu lagi faktor yang sering menghalang atau menghindar ramai pengusaha berpotensi untuk menubuhkan berbagai perniagaan ialah proses birokrasi yang lambat dan negatif dalam negara. Terdapat kalangan kakitangan yang mengambil sikap rigid dan kadangkala negatif yang sering mengeciwakan para pengusaha yang berminat. Misalnya, permintaan untuk permit untuk menjalankan sesuatu kegiatan perniagaan akan mengambil masa berbulan-bulan untuk diproses dan ia juga melibatkan kos perbelanjaan kepada sipemohon. Oleh itu jika kita memang serius untuk menambah aktiviti perniagaan dan pengeluaran perindustrian dalam negara, Kerajaan mestilah mengambil langkah-langkah tegas untuk meningkatkan dedikasi dan kecekapan kakitangan Kerajaan di semua peringkat.

Akhirnya, kita memerlukan kestabilan politik dan sosial dalam negara untuk para pelabur supaya dapat meyakinkan mereka untuk melabur. Jika kita mempunyai kestabilan yang diperlukan dan jika dasar-dasar Kerajaan mencerminkan nilai-nilai dan aspirasi-aspirasi rakyat Malaysia, ini akan dengan sendiri menjadi insentif yang kuat untuk para pelabur untuk lebih melabur dalam negara ini. Besar juga kemungkinan bahawa rakyat Malaysia yang menyimpan wang yang banyak di negara-negara asing akan tertarik untuk membawa balik wang mereka ke Malaysia untuk tujuan pelaburan. Adalah juga mungkin bahawa orang-orang asing akan berminat untuk melabur di Malaysia kerana kestabilan yang dinikmati.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kestabilan kita tahu bahawa kestabilan ekonomi akan dapat meningkat jika kita mempunyai kestabilan politik dan sosial dalam negara boleh dipelihara sekiranya negara kita adalah bebas dari ancaman luar termasuk ancaman benar serangan lanun yang telah berlaku di Sabah baru-baru ini. Juga kestabilan politik boleh juga dipelihara jika aspirasi, harapan dan kecenderongan rakyat dapat diperolehi oleh Kerajaan dengan munasabahnyanya. Setakat ini Malaysia telah menikmati kestabilan yang kita perlukan. Saya percaya Kerajaan sekarang akan memastikan bahawa kestabilan yang sedia wujud akan berterusan jika kita dapat mencapai kemakmuran ekonomi yang lebih cemerlang untuk segenap lapisan rakyat.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita menyokong Belanjawan 1986 seperti yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.36 ptg.

Tuan Baharom bin Haji Bakar (Padang Terap); Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang turut sama membahar bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, tahun 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada 25hb Oktober, 1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Belanjawan Kerajaan Persekutuan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebanyak \$30,812 juta adalah merupakan satu Belanjawan yang sederhana dan tidak membebakan keseluruhan anggota masyarakat. Malah Belanjawan ini bolehlah dianggap sebagai Belanjawan berjimat-cermat bagi menghadapi kemerosotan ekonomi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah berjimat-cermat, kita dapati Kerajaan mengambil langkah untuk mengurangkan bilangan perkhidmatan awam, membekukan pengisian jawatan-jawatan kosong, juga membekukan wujud jawatan-jawatan yang baru. Langkah-langkah ini dilakukan agar perbelanjaan ke arah itu dapat dijimatkan dan digunakan untuk membiayai projek-projek yang boleh dinikmati oleh kesemua rakyat di dalam negara ini adalah merupakan satu langkah yang baik tetapi pada pendapat saya Kerajaan haruslah berhati-hati dan berjaga-jaga agar pengurangan bilangan perkhidmatan awam ini tidak akan menjejaskan perkhidmatan Kerajaan, malah akan melibatkan kerugian yang besar. Yang perlu ialah penelitian harus dibuat agar jawatan-jawatan yang terpenting dan perlu dapat diwujudkan. Di samping itu juga Kerajaan perlu memastikan agar bilangan perkhidmatan yang telah sedia ada

dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kecekapan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal pembangunan pada Belanjawan kali ini didapati Kerajaan begitu memberikan perhatian berat dengan peruntukan sebanyak \$8,858 juta yang di antara lain untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat di samping mewujudkan kemudahan-kemudahan asas khususnya kepada para penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan memperuntukkan begitu banyak peruntukan kepada sektor pembangunan adalah menunjukkan yang Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab di kawasan-kawasan luar bandar dan saya berkeyakinan keseluruhan masyarakat luar bandar menyambut baik akan langkah Kerajaan ini.

Sebagai sebuah negara yang mencapai kemerdekaan hampir 28 tahun, kita mendapati jurang perbezaan di antara kawasan-kawasan yang maju dan tidak maju, di antara pembangunan bandar dan pembangunan desa adalah masih jauh. Adalah diharapkan peruntukan Belanjawan pada kali ini merupakan peruntukan yang boleh merapatkan jurang perbezaan tersebut, Perbezaan ini begitu ketara disebabkan pada masa-masa yang lalu kerana kebanyakan projek-projek pembangunan hanya diberi penumpuan kepada kawasan-kawasan atau daerah-daerah yang maju yang berpotensi yang diharapkan dapat memberikan peluang ekonomi yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini masih lagi terdapat kawasan-kawasan pendalaman yang belum lagi menikmati kemudahan-kemudahan asas yang sempurna. Saya mengambil contoh umpamanya daerah Padang

Terap, Kedah, daerah ini merupakan satu daerah yang agak besar juga di dalam Negeri Kedah. Di sinilah terletaknya satu ampangan air yang terbesar yang menjadi nadi penggerak kepada Rancangan Perairan Muda yang memperkenalkan Negeri Kedah sebagai negeri jelapang padi yang mengeluarkan makanan utama di negara kita ini. Tetapi di sebalik kemasyhuran namanya itu para penduduk hanya dapat berbangga dengan projek besar itu masih lagi belum menikmati sepenuh kesan pembangunan setama ini, malah daerah ini puta digolongkan sebagai salah sebuah daerah yang termiskin. Bukanlah tujuan saya untuk menafikan segala bentuk pembangunan yang telah sedia ada. Tetapi adalah diharapkan agar projek-projek pembangunan yang akan datang dapat diberikan penumpuan kepada kawasan-kawasan pendalaman yang kurang maju termasuklah daerah Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor pertanian, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 1,668 juta bagi membangunkan kawasan-kawasan tanah baru dan terbiar. Projek-projek pembangunan pertanian bersepadu, pembangunan wilayah dan subsidi baja yang menunjukkan bahawa Kerajaan begitu berazam dan berusaha untuk meningkatkan pembangunan dan penambahan sektor pertanian selaras dengan Dasar Pertanian Negara.

Di dalam hubungan ini sebanyak \$635 juta diperuntukkan untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah baru dan tanah-tanah terbiar di dalam usaha untuk meninggikan taraf pendapatan para petani melalui sektor pertanian. Oleh itu adalah diharapkan agar agensi-agensi yang terlibat dalam bidang ini seperti FELDA, FELCRA dapat memberikan penumpuan kepada kawasan-kawasan tanah

terbiar di kawasan-kawasan pendalaman, khususnya di kawasan-kawasan yang mempunyai potensi sebagai kawasan pertanian malah usaha-usaha untuk mempercepatkan proses untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah baru haruslah dititikberatkan kerana adalah didapati proses untuk membangunkan kawasan-kawasan tanah baru sebelum ini adalah terlalu lama sehingga boleh melibatkan pertambahan kos peruntukannya.

Selain dari itu usaha-usaha harus dibuat bagi mengadakan kemudahan-kemudahan asas di kawasan pertanian seperti kemudahan perhubungan dan pengangkutan bagi memudahkan hasil-hasil pertanian dibawa keluar untuk dipasarkan. Di samping itu pekan-pekan kecil untuk memasarkan hasil-hasil pertanian haruslah dibangunkan di kawasan-kawasan pendalaman dengan mengadakan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Ini adalah perlu sebagai langkah meningkatkan taraf pendapatan para petani di samping dapat mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat, kerana kita mendapati semenjak kebelakangan ini, sektor pertanian di dalam negara mengalami kadar pertumbuhan yang lembab sedangkan sektor ini merupakan teras ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pelancongan, beberapa langkah telah dibuat

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekali-sekali paling palinglah ke sini, saya kesunyian.

Tuan Baharom bin Haji Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pelancongan beberapa langkah telah dibuat bagi memastikan industri pelancongan negara berkembang maju serta dapat menarik

lebih ramai lagi para pelancong melawat negara ini. Umpamanya, Kerajaan akan memberi galakan taraf printis untuk tempoh yang tetap selama 5 tahun manakala kepada para pengusaha pelancongan yang berjaya pula diberikan galakan cukai dengan cara memberi pengecualian cukai sebanyak 10% daripada pendapatan perniagaan ke atas petancongan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk memberikan berbagai galakan kepada sektor pelancongan ini adalah wajar kerana sektor pelancongan dapat memberikan sumbangan kepada ekonomi negara di samping dapat memperkenalkan negara ini di mata dunia. Malah industri pelancongan juga dapat mewujudkan kesan sampingan seperti menggalakkan penggunaan dan memperkenalkan barangan tempatan. Tetapi di dalam kegairahan kita untuk memajukan sektor pelancongan ini, kita juga harus mengambil kira akan beberapa gejala-gejala buruk yang akan timbul seperti gejala-gejala sosial, penggunaan dadah, pelacuran malahan beberapa lagi kesan buruk yang boleh mengancam kebudayaan negara.

Kerajaan juga harus berhati-hati dengan mengadakan kawalan keselamatan yang ketat terhadap para pelancong luar yang memasuki negara ini. Di samping itu juga sebagai langkah galakan terhadap sektor pelancongan, Kerajaan haruslah mengadakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan asas, terutama sistem pengangkutan di pusat-pusat pelancongan yang berpotensi dan yang boleh menarik para pelancong, mengutamakan keselamatan dan kebersihan di kawasan-kawasan pelancongan supaya imej negara kita tidak tercemar di kalangan para pelancong yang sedikit sebanyak boleh menjejaskan industri pelancongan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menampung keperluan kemudahan-kemudahan pelajaran pula, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$1,257 juta. Adalah diharapkan dengan peruntukan ini Kerajaan dapat memberikan penumpuan dan keselesaan belajar bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan Pendalaman kerana didapati masih juga terdapat sekolah-sekolah kebangsaan mahupun sekolah-sekolah menengah di kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan kelengkapan pembelajaran yang mencukupi sama ada di dalam bentuk peralatan pembelajaran ataupun di dalam bentuk peralatan sukan. Di samping itu juga langkah Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$180 juta untuk membina sekolah-sekolah Vokesyenai dan politeknik baru bagi mengeluarkan pekerja-pekerja mahir dalam bidang perindustrian sesuai dengan dasar Kerajaan untuk memperbanyakkan industri-industri perkilangan dan perusahaan di dalam negara ini di samping dapat melahirkan para pelajar yang tidak menganggur selepas sekolah oleh kerana mereka telah mempunyai kemahiran masing-masing di dalam bidang tertentu selepas sekolah. Dengan secara tidak langsung kadar pengangguran lepasan sekolah dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja ucapan saya bagi membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan di atas pembentangan Belanjawan 1986 ini demi untuk kebaikan rakyat keseluruhan dalam negara Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Sibü.

6.00 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1986 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan supaya sejumlah \$30,612 juta diperuntukkan bagi Belanjawan negara tahun depan. Peruntukan yang dicadangkan ini bertambah kira-kira 6% daripada peruntukan Belanjawan tahun 1986 untuk menyejajarkan keluaran dalam negara kasar sebenar pada kadar 6% melalui peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1986 ekonomi antarabangsa dijangka terus menghadapi pertumbuhan yang tidak menggalakkan. Ini seterusnya akan menjejaskan sedikit sebanyak prestasi ekonomi negara. Pada masa sekarang pertumbuhan ekonomi Malaysia sedang menghadapi beberapa tekanan dan kesulitan, misalnya kemerosotan harga barang-barang pengeluaran tempatan. Kadar pengangguran yang tinggi yang bertambah buruk akibat penutupan syarikat-syarikat, kekekatan kemudahan kredit, pengaliran keluar hutang negara, dasar perlindungan negara-negara perindustrian serta kekurangan pelaburan dari luar negeri dan ketidakstabilan ekonomi serta kesan Dasar Ekonomi Baru.

Tambahan pula kekurangan sumber Kewangan Kerajaan akibat penyertaannya dalam pelaburan untuk bantuan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Kemerosotan harga komoditi-komoditi utama secara defisit, imbalan pembayaran negara yang melebihi \$5,000 juta tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan-keadaan seperti ini telah menjadikan kadar keluaran negara kasar merosot daripada 6.6% pada tahun 1984 kepada 5.2% pada tahun ini. Kadar ini dijangka akan kekal pada 5.5% tahun hadapan. Pada tahun 1984 kadar

ketuaran negara kasar dijangka mencapai 6.3% dalam tahun 1985 tetapi jatuh hingga 5.2% akibat kemelesetan ekonomi dunia. Oleh itu, harapan untuk mengejar ke taraf 5.5% pada tahun hadapan memang tidak begitu tepat juga. Kerajaan mencadangkan supaya beberapa langkah dijalankan untuk menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan serta menyejajarkan kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam tahun 1986 misalnya mengurangkan perbelanjaan sektor awam, memperbaiki industri pelancongan untuk menggalakkan pelancongan menyediakan kilang-kilang bagi sektor pembuatan, mengurangkan aliran keluar tukaran wang asing, menggalakkan lagi pembangunan sektor pertanian dan perikanan. Selain itu Kerajaan juga berniat menggalakkan lebih banyak lagi wang dibawa balik ke Malaysia, mengurangkan hutang luar negeri serta mendapatkan pengeluaran petroleum ke paras 10,000 tong minyak sehari.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan dan pihak swasta sependapat bahawa keadaan ekonomi antarabangsa yang lembap itu akan terus menjejaskan pendekatan pengeluaran dan berleluasa pelaburan dalam sektor swasta. Oleh itu selain dari berjimat cermat dan memperkembangkan lagi sumber-sumber negara, Kerajaan hendaklah juga meyakinkan sektor swasta supaya menyahut seruan Kerajaan untuk memainkan peranan yang lebih cergas lagi dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengatasi kesan kemelesetan ekonomi ke arah pencapaian pertumbuhan ekonomi negara adalah terletak kepada sumbangan sektor swasta terhadap strategi belanjawan Kerajaan.

Jika sekiranya sektor swasta menaruh syak dan waham kepada cita-cita Kerajaan mungkin kadar pertumbuhan ekonomi negara yang dianggarkan akan merosot ke bawah 5% atau lebih teruk lagi. Oleh itu faktor utama dalam menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun hadapan ialah bantuan rakyat dan keyakinan terhadap Kerajaan jelas juga tercapainya tujuan itu adalah terserah kepada keikhlasan Kerajaan dalam melaksanakan dasar ekonomi. Belanjawan tahun 1986 nampaknya bertujuan menggalakkan sektor swasta supaya terus memainkan peranan yang lebih cergas cermat lagi dalam menentang keselamatan ekonomi. Akan tetapi jika sekiranya Belanjawan ini dikaji secara terperinci maka nyatalah ia adalah setimpal dan masih memberi keutamaan kepada Dasar Ekonomi Baru dan kepentingan Bumiputera. Ianya akan menghalang rakyat bukan Bumiputera daripada menyertai program pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapannya Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian akan dipertingkatkan lagi. Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia dengan kerjasama Bank Dunia akan memberi keutamaan mendapatkan bilangan Bumiputera di dalam perusahaan projek-projek kecil seperti perusahaan memproses makanan, mengeluarkan bahan-bahan binaan, perusahaan berasaskan kayu, buluh, rotan, tembikar dan plastik dan lain-lain. Kejuruteraan ringan dan kimpalan. Peruntukan berjumlah kira-kira \$41 juta adalah disediakan di bawah MARA bagi khidmat nasihat dan latihan, terutama kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera. Industri kecil akan diberikan potongan istimewa sebanyak 5% dan potongan

tambahan sebanyak 5% lagi. Cukai ialah memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Adalah menjadi maksud Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa hanya industri kecil yang mempunyai penyertaan Bumiputera sekurang-kurangnya 30% layak menerima potongan istimewa itu? Jika tafsiran ini betul, maka ketaratah Kerajaan sudah pasti akan gagal dalam usaha menggalakkan eksport barangan melalui galakan-galakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun depan Kerajaan akan terus memberi keutamaan bagi mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Sebanyak \$2,861 juta telah diperuntukkan bagi projek-projek membasmi kemiskinan dan \$500 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat. Di bawah kedua-dua projek itu peruntukan yang besar telah disediakan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, jambatan, bekalan elektrik dan bekalan air. Tambahan pula peruntukan besar juga disediakan untuk meningkatkan lagi pembangunan dan pertumbuhan dalam sektor pertanian. Apa yang saya ingin tahu ialah peruntukan bagi projek-projek pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat ini merangkumi penduduk-penduduk di Kampung-kampung Baru. Pada masa sekarang terdapat lebih 450 buah Kampung Baru di Malaysia. Jumlah bilangan penduduknya adalah lebih dari 1.5 juta orang. Mereka hidup dalam keadaan miskin, derita dan sangat-sangat memerlukan kemudahan-kemudahan asas. Mereka juga menghadapi masalah hak tanah. Oleh itu, saya berharap projek-projek pembangunan luar bandar akan juga memberi faedah kepada golongan

yang miskin itu. Harap Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi penjelasan yang bernas mengenai soalan ini.

Kerajaan harus menyedari bahawa dalam sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia semua golongan rakyat hendaklah diberi layanan atas asas persamaan jika Kerajaan mengharapkan sokongan dan kerjasama penuh dari setiap rakyat. Sebaliknya jika Kerajaan hanya memberi keutamaan kepada kepentingan dan kemajuan sesuatu golongan rakyat sahaja maka dasar Kerajaan yang sempit itu pasti akan menjejaskan perpaduan rakyat dan pembangunan negara. Berasaskan prinsip ini, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk pertimbangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menghapuskan jurang antara bumiputera dan bukan bumiputera dalam bidang pembangunan ekonomi, tujuan Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru bukan semata-mata untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bumiputera sahaja, bukan merangkumi masyarakat bukan bumiputera. Oleh itu, Kerajaan harus memberi layanan yang sama kepada setiap rakyat supaya semua rakyat Malaysia sama-sama layak menikmati hasil Kerajaan pembangunan ekonomi. Tidak patut untuk Kerajaan menggunakan masa dan tenaga selama 20 tahun bagi mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup sesuatu golongan rakyat sahaja. Setakat ini iaitu selepas 15 tahun Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan kesan polarisasi antara kaum semakin terasa jika Kerajaan gagal raemberi layanan yang sama kepada semua rakyat Malaysia. Bagaimana rakyat kita yang berbilang lebih 30 kaum tanpa bersatu padu dan bekerjasama untuk menamatkan kemelesetan ekonomi dunia. Bagaimana dapat

mereka berkorban untuk kemajuan dan kemakmuran tanah air. Sebab itu, saya menyeru supaya menghapuskan jurang antara bumiputera dan bukan bumiputera untuk sama-sama memperkokohkan ketahanan ekonomi.

Yang kedua, pada dasarnya peruntukan sebanyak \$1,668 juta bagi sektor pertanian adalah kena pada tempatnya. Pembangunan industri pertanian dan pengeluarannya merupakan asas ekonomi yang kukuh bagi sebahagian besar rakyat Malaysia. Eksport pengeluaran pertanian juga memperolehi tukaran asing yang besar. Bagaimanapun, Kerajaan hendaklah memastikan bahawa harga-harga hasil pertanian kekal stabil supaya kaum petani rela menumpukan segala perhatian kepada tanah masing-masing melalui cara membeli keluaran pertanian. Kerajaan boleh juga menjamin kaum petani mendapatkan keuntungan yang lumayan. Kerajaan telah berbuat demikian mengenai kelapa baharu-baharu ini. Dasar ini patut diperluaskan untuk meliputi padi, koko, lada dan juga kaum nelayan. Ianya juga boleh diganti subsidi tunai, bahan mentah dan baja. Di samping itu Kerajaan harus mempertimbangkan kemungkinan mendirikan kilang-kilang memproses makanan supaya keluaran berlebihan boleh diproses untuk dieksport ke pasaran luar negeri.

Yang ketiga, Kerajaan hendaklah melaksanakan satu dasar pengeluaran yang cermat dalam memperkembangkan sumber-sumber negara. Ini kerana sumber-sumber dalam alam di mana-mana negeri adalah terhad dan sebarang usaha memperkembangkannya tanpa batas akan membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara. Misalnya walaupun perigi-perigi minyak baharu banyak dijumpai di Malaysia tetapi simpanannya di negeri ini adalah

terhad. Dari segi ini cadangan Kerajaan meningkatkan pengeluaran petroleum untuk memperkukuhkan kadar keluaran dalam negara sebenar merupakan satu langkah yang tidak bijak memandangkan harga pasaran petroleum semakin merosot peningkatan pengeluaran ini akan hanya memburukkan prestasi ekonomi negara jika ia gagal membawa faedah sebenar.

Pada masa sekarang lebih elok jika Kerajaan pertimbangkan kaedah-kaedah sama-sama menikmati hasil pengeluaran secara usaha sama. Adalah dianggarkan bahawa permintaan petroleum di Malaysia akan meningkat kepada 66,000 tong sehari menjelang tahun 1980 dan terus kepada 184,200 tong sehari pada tahun 2,000. Perjanjian menapis minyak antara negeri kita dengan Singapura akan tamat tempohnya pada tahun 1987, oleh itu Kerajaan harus mempertimbangkan untuk mendirikan kilang menapis minyak sendiri untuk memenuhi permintaan di dalam negeri. Pada masa sekarang kos penapis petroleum di Singapura ialah \$1.60 setong menjelang tahun 1990, negeri kita boleh menjimatkan sebanyak \$105,000 sehari dalam tukaran asing dari menapis petroleum sendiri atau \$30 juta setahun.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan projek-projek pembangunan tenaga yang berasaskan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pun sekali-sekali pandanglah ke sini, sebab saya cukup kesunyian petang ini (*Ketawa*).

Tuan Ling Sie Ming: Saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan!

Tuan Ling Sie Ming: yang berasaskan pembangunan berbagai kuasa, bukan bergantung kepada sesuatu kuasa sahaja untuk menjamin

permintaan negara terhadap tenaga tidak dipengaruhi kemelesetan ekonomi dunia atau dibebankan oleh hutang luar negara dan bayaran faedah yang besar. Selain dari kuasa petroleum dan kuasa air, lain-lain kuasa termasuk arang dan gas asli, tambahan pula Kerajaan boleh juga menggunakan bahan dikeluarkan dari Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia untuk mengeluarkan kuasa elektrik. Ini bukan sahaja boleh memesatkan projek membekalkan kuasa elektrik ke luar bandar, bahkan juga membantu menyekat pencemaran. Menurut Laporan PORIM adalah sebanyak 171 buah kilang menapis minyak sawit di Malaysia. Penggunaan bahan buangan kelapa sawit untuk mengeluarkan kuasa elektrik adatah sesuai untuk kira-kira 90% buah kilang menapis dari jumlah itu. Kerajaan harus meneliti kemungkinan ini supaya kejayaannya akan memberi faedah kepada kilang-kilang penapis minyak sawit khasnya dan rakyat jelata amnya.

Kelima, Kerajaan hendaklah juga mewujudkan suasana yang sesuai untuk menarik lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing. Oleh itu ekuiti mereka sememangnya bertambah daripada 30% kepada 100%. Galakan-galakan cukai harus disediakan juga. Selagi syarikat-syarikat itu mampu memberi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, selagi mereka rela memindahkan pengetahuan teknologi kepada kakitangan tempatan, selagi mereka berjaya mencapai kadar eksport keluaran setinggi 80%, selagi itulah Kerajaan tidak mempunyai apa-apa sebab untuk mengeluarkan garis-garis panduan atau syarat-syarat tertentu. Jika Kerajaan berbuat demikian, pelabur-pelabur akan kehilangan terhadap Kerajaan. Oleh itu, persediaan satu dasar pelaburan yang rendah dan memberikan berbagai peluang pilihan

akan menarik pelabur-pelabur asing demi untuk kepentingan ekonomi negara pada jangka panjang.

Keenam, menyentuh tentang pelaburan dari sektor swasta, selain dari memberikan galakan-galakan cukai kepada pelabur-pelabur swasta dalam bidang perindustrian, pertanian, perdagangan dan pembuatan barangan untuk eksport, Kerajaan harus juga mengambil tindakan untuk mengurangkan kos pengeluaran masing-masing. Misalnya, mengurangkan bayaran elektrik, telekomunikasi, pelabuhan dan sebagainya. Satu perkara utama berkaitan dengan pengeluaran ialah soal tanah. Barangkali Kerajaan boleh mempertimbangkan untuk menyewakan tanah kepada pelabur-pelabur tempatan dengan kadar sewaan yang rendah dan untuk tempoh selama 10 atau 20 tahun, tambahan pula Kerajaan juga boleh menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman dengan kadar faedah yang rendah supaya memperkukuhkan kedudukan aliran mudah tunai dan menggalakkan pelabur-pelabur memodenkan cara pengeluaran untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar lagi.

Ketujuh, dasar Kerajaan untuk memiliki 50% saham atau lebih dalam 40 buah Agensi-agensi di Luar Belanjawan dengan jumlah perniagaan melebihi \$5,000 juta setahun juga hendaklah dikaji semula. Ini bertujuan meringankan beban hutang Kerajaan. Pada tahun 1984, 1985 dan juga 1986 Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$7,200 juta, \$5,700 juta dan \$2,000 juta masing-masing untuk membantu agensi-agensi itu, bagaimanapun selain dari PETRONAS, hanya 4 buah agensi, iaitu MAS, Jabatan Telekom, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Lembaga Letrik Negara mampu memperolehi keuntungan. Oleh itu, di samping menjadi penjamin atas dua

agensi-agensi itu Kerajaan juga terpaksa menanggung beban pembayaran balik hutang itu serta pembayaran faedahnya. Namun demikian agensi-agensi itu tidak perlu bertanggungjawab terus kepada Parlimen. Parlimen dan rakyat pula tidak mempunyai hak untuk mencebur dengan jalan operasi agensi-agensi itu. Ini memang tidak adil dan saksama.

Pada tahun 1984 dan 1985 agensi-agensi ini menghadapi kerugian besar-besaran iaitu sebanyak \$6,800 juta dan \$5,000 juta masing-masing. Oleh itu Kerajaan harus mempertimbangkan untuk memiliknegerakan agensi-agensi itu, memperkukuhkan sistem pentadbirannya dan membuat mereka bertanggungjawab kepada Parlimen. Selain daripada itu, Kerajaan juga boleh menjual saham-sahamnya kepada orang ramai untuk memperkukuhkan kedudukan aliran mudah tunai serta mengurangkan beban Kerajaan terhadap hutang dan faedah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Sarawak. Selepas 20 tahun sejak negeri Sarawak menyertai Malaysia, negeri itu masih ketinggalan jauh di belakang. Ini disebabkan Kerajaan tidak mengambil berat terhadap pembangunan ekonomi di negeri itu. Banyak rancangan yang dilaksanakan oleh Kerajaan tidak membawa sedikitpun faedah kepada rakyat Sarawak.

Pada masa sekarang lebih kurang 40% penduduk di negeri Sarawak tinggal di bawah paras kemiskinan. Anggaran Kerajaan setiap rakyat memperolehi pendapatan sebanyak \$5,019 setahun purata tidak ada kena-mengena terhadap rakyat negeri Sarawak. Kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak \$537.51 juta untuk perbelanjaan pembangunan di negeri Sarawak iaitu

hanya 6% dari jumlah peruntukan sebanyak \$8,857 juta. Anggaran ini memang tidak mencukupi untuk pertumbuhan ekonomi di negeri itu. Pemerhati-pemerhati asing sentiasa menganggap negeri Sarawak sebagai negeri yang terkaya di Malaysia kerana eksport keluarannya seperti petroleum, gas asli, kayu balak, emas, arang dan sebagainya, tetapi negeri Sarawak selepas merdeka memberi satu gambaran yang lain.

Pada masa sekarang masih ada orang mengatakan ada beberapa orang rakyat Sarawak tinggal di atas pokok atau hidup secara orang purba. Salah faham seperti itu bukan sahaja memalukan rakyat Sarawak bahkan juga Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, saya menyeru supaya Kerajaan mengambil lebih berat terhadap pembangunan sosio ekonomi di negeri Sarawak. Kerajaan harus memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk membekalkan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, pertanian, perdagangan, pembangunan desa dan bandar dan lain-lain untuk membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negeri Sarawak.

Pada keseluruhannya pada tahun 1986 Malaysia akan menghadapi keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan serta kemerosotan pengeluaran dalam negeri. Kerajaan akan hanya dapat mengatasi kemelesetan ekonomi di dalam dan di luar negeri juga ialah melaksanakan dasar-dasar yang adil dan saksama untuk menarik rakyat terutama dari sektor swasta supaya mengambil bahagian yang lebih cergas lagi dalam bidang pelaburan dan pengeluaran. Jika Kerajaan gagal mendapat sokongan penuh dari rakyat dari segala lapisan masyarakat, sudah pasti bukan sahaja negeri kita tidak akan mencapai pertumbuhan ekonomi yang diharapkan tetapi sebaliknya akan

menghadapi keruntuhan ekonomi pada keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.25ptg.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Bismillahir-rahmanir-rahim

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak berucapkah atau hendak buat "booking" untuk hari esok? Silakan Yang Berhormat.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya maka dapat saya mengambil bahagian di dalam perbincangan dasar Belanjawan Negara 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan pandangan-pandangan saya selanjutnya ke atas dasar Belanjawan Negara ini, izinkan saya merakam setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Timbalan-timbalannya serta pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di Kementerian, juga kepada setiap individu atau kumpulan yang telah berusaha menyediakan Anggaran Belanjawan yang sungguh bermakna ini. Tugas ini amatlah berat dan mencabar, lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi yang meleset ini. Bak kata pepatah Melayu: Mana berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

Setelah Belanjawan ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini pada 25hb Oktober yang lalu, berbagai-bagai pendapat telah kita dengar sama ada dari dalam ataupun di luar Dewan ini. Jika dianalisa pendapat-pendapat mereka

itu ada yang menyokong dan memuji-muji dan ada menentang, malah ada pula yang menyindir-nyindir kononnya Belanjawan pilihanraya dan sebagainya. Itu adalah perkara biasa. Bak kata pepatah Melayu Bumi mana yang tidak ditimpa hujan, gading mana yang tidak retak. Tetapi setiap orang yang berfikiran waras, yang tidak dikongkong oleh perasaan iri hati, tamak dan haloba serta mementingkan diri sendiri daripada kepentingan ramai sudah pasti akan mengakui hakikat bahawa Anggaran Belanjawan 1986 ini adalah suatu anggaran yang munasabah, progresif, produktif lagi membina kerana pada keseluruhannya Belanjawan pembangunan negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah merupakan suatu usaha ke arah menentang kemelesetan ekonomi dunia yang tidak menentu ini di samping berusaha ke arah mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru negara.

Hakikat ini dapat dilihat dari falsafah yang terkandung di dalam Belanjawan ini. Di antaranya Kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai pengorbanan dengan melupuskan dan memberi berbagai-bagai galakan atau insentif cukai-cukai dalam berbagai-bagai sektor, sama ada di bidang pertanian, perindustrian dan sebagainya

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan esok.

Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pukul 2.30 petang esok, 31hb Oktober, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.